

بريتا  
BERITA

# PKINK



PENGERAK  
PEMBANGUNAN  
UMMAH

www.pkink.gov.my

• PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN • www.pkink.gov.my



3

INFRAQUEST PELOPOR  
PEMBINAAN MENARA  
KOMUNIKASI KELANTAN



4

SPTK MAUKAN  
FASA 2 BANDAR BARU  
RANTAU PANDANG



14

PERDANA RESORT  
KERAL SEBAGAI TUMPUAN  
PENGINAPAN PELANGGON



27

TAWARAN LUMAYAN  
BULAN RAMADHAN



## UBUDIYYAH, MAS'ULIYAH DAN ITQAN

NILAI TERAS KOD ETIKA ANGGOTA PKINK

- MS 19



## SIDANG EDITOR

### PENAUNG

Hj. Mohd Sabri b. Abdullah  
*Ketua Eksekutif*

### PENASIHAT

Hj. Mohamad Alwi b. Ya  
*Timbalan Ketua Eksekutif (Hal Ehwal Korporat)*

### KETUA EDITOR

Hj. Mohd Adilan b. Mat Jusoh  
*Pengurus Pengurusan Sumber Manusia*

### TIMBALAN KETUA EDITOR

Mohd Roslan b. Mohd Zain  
*Pen. Pengurus Sumber Manusia  
(Perhubungan Korporat)*

### SIDANG EDITORIAL

Tengku Petra Tengku Wook  
Pn. Sofia Airan bt. Che Sob  
Pn. Zakiah bt. Mohamed  
Pn. Hawa bt. M.Salleh  
Ramli b. Hamzah

### FOTOGRAFI

Tengku Petra Tengku Wook

### PENERBITAN

Unit Perhubungan Korporat  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri  
Kelantan

Tingkat 8-11, Bangunan PKINK  
Jalan Tengku Maharani,  
15710 Kota Bharu,  
Kelantan

Tel: 09-7414141

Fax: 09-7414069

### PERCETAKAN

Dian Darulnaim Sdn. Bhd



## Selambar Amanat

Dari meja Ketua Editor

**A**hamdulillah, pertama dan selamanya kita melafazkan setinggi kesyukuran ke hadrat ilahi atas pertemuan buat kesekian kalinya di dalam Berita PKINK bilangan 2/2009.

Eksistensi PKINK yang sudah mencecah usia empat dasawarsa bergerak sejajar dengan pembangunan negeri Serambi Mekah. Tema 'Membangun Bersama Islam' sentiasa dicanangkan dalam budaya kerja. Dengan usia yang sudah mencapai empat dekad, tidak diragui lagi bahawa perbadanan ini telah mencapai satu tahap kematangan dalam merancang, mengurus, mentadbir dan membangunkan ekonomi negeri Kelantan.

Namun, kematangan ini tidak seharusnya dianggap satu kelebihan lalu menjadikan kita bekerja sambil lewa. Semua pihak perlu mentajdidkan nilai dan kualiti kerja secara istiqamah. Sebagaimana nilai yang diuar-uarkan oleh pihak Kerajaan Negeri Kelantan menerusi motto Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan (UMI), semua pihak perlu menghayati nilai yang terkandung di dalamnya.

Saya ingin menarik perhatian seluruh anggota PKINK terhadap perkara yang dibentangkan oleh panel penggubal kod etika anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan, Prof Madya Dr Abdullah Sudin Abd Rahman. Majlis pelancaran Kod Etika tersebut yang diadakan pada Mei lalu sebenarnya tersirat satu hasrat besar kerajaan Negeri Kelantan untuk diaplikasikan seluruh anggota dalam atmosfera kerjaya masing-masing.

la menyeru semua pihak agar mempertingkatkan daya fokus terhadap bidang tugas. Dalam masa yang sama memahami polisi dan dasar yang mampu membawa kepada kejayaan. Dengan kefahaman yang baik, ia bukan sekadar meningkatkan kualiti kerja malah mengeratkan lagi hubungan sesama anggota.

Masing-masing perlu sedar bahawa kerja yang dilakukan ini adalah suatu amanah ummah yang perlu ditunaskan dengan penuh dedikasi. Ia sepatutnya menjadi satu bentuk ibadat yang akan membuahkan pahala serta keberkatan. Dalam masa yang sama kita perlu menjauhi unsur khianat dan penyelewengan kerana ia bukan sahaja haram dan membawa dosa, malah ia boleh mendatangkan bala di dunia dan azab di akhirat. Na'uzubillah.

Oleh yang demikian, semua pihak perlu membuang sikap lewa dan 'take for granted' atas eksistensi perbadanan yang sudah mencapai usia empat dasawarsa. Sebaliknya kita bermuhasabah dan bertekad untuk menggandakan usaha demi membangunkan negeri Serambi Mekah yang kita kasih ini. ☺

Sekian, terima kasih,

### HJ MOHD ADILAN BIN MAT JUSOH

*Pengurus Pengurusan Sumber Manusia  
PKINK*





# Infraquest pelopor pembinaan Menara Komunikasi Kelantan

**PENINGKATAN** dalam pembangunan telekomunikasi di Negara ini turut dirasai oleh negeri Kelantan dan kini dengan penubuhan sebuah syarikat di bawah milik Permodalan Kelantan Berhad(PKB) yang dikenali dengan nama Infra Quest Sdn Bhd (IQSB) yang juga merupakan syarikat pertama diberi pengiktirafan oleh kerajaan negeri untuk membuat "Common Trencing". IQSB juga diberi hak untuk pembinaan "Common Tower". Syarikat yang mula beroperasi pada 23 Januari 1997, namun ia mula bergiat aktif pada awal tahun 2001.

Menurut Penolong Pengurus Kewangan dan Pentadbiran IQSB Azirin Rifin, IQSB kini telah mengorak langkah lebih jauh apabila telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Kelantan sebagai badan penyelarasan yang berkhidmat untuk menguruskan perancangan, pelaksanaan dan penyelenggaraan infrastruktur telekomunikasi di negeri Kelantan atau lebih dikenali sebagai 'One Stop Agency' (OSA) yang bermula pada tarikh 2hb Oktober 2003.

Sebagai 'One Stop Agency', IQSB bertanggungjawab untuk memastikan bahawa semua menara telekomunikasi yang dibina di seluruh negeri Kelantan mematuhi garis panduan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Kerajaan Negeri.

Azirin juga berkata, IQSB juga memainkan peranan yang besar sebagai perunding kepada pembekal alat komunikasi bagi Celcom (M) Berhad, Maxis Broadband Sdn Bhd dan juga Telekom Malaysia Berhad. IQSB juga adalah pemaju Radio Base Station (RBS) bagi TM TOUCH Sdn Bhd (Kini dimiliki oleh Celcom (M) Berhad). Sebanyak sepuluh buah menara di bawah program 'Tenureship Programme Agreement' (TPA) dan TM TOUCH Sdn Bhd telahpun beroperasi.

Menurut Azirin lagi, IQSB juga merupakan perunding bagi kerjasama pengubahsuaian AR RAHN iaitu sebuah syarikat gadaian Islam milik Permodalan Kelantan Berhad.

Kini IQSB telah memasuki era baru dalam penubuhannya di mana Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah mengangugerahkan lesen 'Network Facilities Provider' (NFP) kepada IQSB.

Sementara itu, dari segi penyediaan Menara untuk pembekal alat komunikasi di negeri ini kini telah mencapai sebanyak 130




buah dan dijangka IQSB akan memiliki sebanyak 142 Menara dan 17 buah Lamp Pole pada penghujung tahun ini.

Kesemua menara ini akan diberi sewa kepada pelanggan korporat seperti Celcom (M) Bhd, Maxis Broadband Sdn Bhd, Digi Telecommunication Sdn Bhd dan Sapura Research Sdn Bhd.

"Dengan adanya kemudahan menara ini seluruh rakyat Kelantan mendapat manfaat penggunaannya dan dasar pembangunan teknologi maklumat serta komunikasi yang cepat dapat direalisasikan dan pihak IQSB merasa bangga dapat membantu kerajaan dalam hal ini" ujar beliau.

IQSB yang kini terletak di Lot 1045 Jalan Dato' Lundang Kota Bharu, Kelantan dengan kakitangannya seramai 35 orang yang terbahagi kepada 4 bahagian iaitu Bahagian Kewangan & Pentadbiran, Bahagian Operasi, Bahagian Projek dan Bahagian M/E turut mempunyai anak Syarikat sendiri yang dikenali dengan nama Aptus Net Communities Sdn Bhd pada penghujung 2008, melalui usahasama dengan syarikat Infolient Sdn Bhd.

Aptus Net diasaskan untuk melibatkan diri dalam bidang perkhidmatan internet jalur lebar dan kini ia telah meliputi bandar Kota Bharu.

IQSB kini sudah berusia 12 tahun lebih dan diharap menjadi pelopor dalam pembinaan menara untuk pembekal alat komunikasi di negeri ini, seterusnya mempercepatkan pembangunan maklumat di negeri Kelantan. 



# Sinaran Pantai Timur Konsortium Majukan Fasa 2 Projek Bandar Baru Rantau Panjang

Oleh : Farrah & Wanji

**SINARAN** Pantai Timur Konsortium Berhad, sebuah syarikat kumpulan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan akan memulakan projek pembangunan Bandar Baru Rantau Panjang fasa 2 dalam jangka masa terdekat setelah satu majlis solat hajat dan pecah tanah bagi projek berkenaan diadakan pada 22 Julai lalu.

Majlis perasmian pecah tanah tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Besar Kelantan, Dato' Ahmad Yakob. Komponen pembangunan bandar baru Rantau Panjang bagi fasa dua ini merangkumi pembinaan 20 unit kedai dan pejabat tiga tingkat dengan harga jualan ialah dari RM550,000.00 seunit.

Turut hadir ke majlis tersebut ialah Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan Pelancongan dan Kebudayaan, Dato' Takiyuddin Hassan, Ahli Dewan Undangan Negeri Gual Perok, Ustaz Muhammad Awang, Speaker Dun Kelantan, Ustaz Nassuruddin Daud, Ahli Parlimen Rantau Panjang, Siti Zailah Mohd Yusoff dan Ketua Eksekutif PKINK, Hj Mohd Sabri Abdullah.

Ketua Eksekutif PKINK, Hj Mohd Sabri Abdullah ketika ditemui berkata, kawasan ini akan dijadikan sebagai kawasan membeli belah yang terulung di Kelantan yang bakal menandingi kawasan popular di Thailand iaitu pekan Golok yang menjadi tumpuan masyarakat Malaysia dan luar negara.



Menurutnya lagi, PKINK juga dalam perancangan untuk membangunkan sebuah hotel dan surau di atas tapak yang berkeluasan dua ekar berdekatan dengan Bazar Abdul Rahman Auf.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pelancongan dan Kebudayaan, Dato' Takiyuddin Hassan berkata, Rantau Panjang merupakan satu destinasi tarikan pelancongan negeri Kelantan yang menjadi tumpuan pelancong luar berkunjung ke sini.

"Bazar yang ada dan Masjid Beijing (masjid senibina China) yang dibina akan menjadi pemangkin kepada sektor pelancongan di negeri ini".

Katanya lagi, kemampuan PKINK memajukan bandar Rantau Panjang dapat merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi negeri terutama di kawasan Rantau Panjang dan Jajahan Pasir Mas amnya.

Jelasnya, kerajaan negeri telah menerima sejumlah RM12 juta dari Kementerian Pelancongan untuk membangunkan bandar Rantau Panjang sebagai bandar pelancongan di Kelantan. Justeru itu, dengan adanya bazar niaga dan Masjid Beijing, Rantau Panjang bakal menjadi tankan utama pelancong ke negeri ini akan merancakkan lagi pertumbuhan industri pelancongan di negeri ini.





# Miliki Rumah SPP Di Sambutan Hari Peladang

Oleh : Farrah & Wanna

**SEMPENA** Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat negeri Kelantan tahun 2009 yang berlangsung pada 23 hingga 30 Julai yang lalu di perkarangan Stadium Muhammad ke-IV, SPP Development Sdn Bhd turut mengambil peluang untuk mempromosi jualan projek mereka di eskpo hari Peladang tersebut.

Antara yang ditawarkan ialah projek SPP Kota Warisan, SPP Permai dan SPP Indah. Respon yang diterima sangat mengujakan di mana ramai pengunjung telah membuat tempahan untuk memiliki rumah. Sambutan pengunjung yang datang dari setiap jajahan negeri Kelantan amat menggalakkan sehingga kakitangan di khemah SPP tidak menang tangan menerima tempahan.


Menurut Pengurus Pemasaran SPP, Mona Adouni Mohamed projek perumahan SPP sentiasa menjadi pilihan pembeli tidak kira di mana pameran dibuka. Ini kerana pembeli amat yakin dengan pemaju yang bernaung di bawah PKINK. Ramai yang telah membayar tempahan sepanjang karnival berlangsung. Ini jelas menunjukkan bahawa kegawatan ekonomi tidak menghalang rakyat untuk memiliki rumah kediaman sendiri.



Katanya lagi, SPP turut menyebarkan maklumat perancangan pembangunan projek masa depannya untuk membangunkan sembilan blok "Service Apartment" di Perdana Resort.

"SPP akan sentiasa memikirkan dan merancang untuk pembangunan masa hadapan demi keperluan rakyat negeri ini", katanya.

Bellau juga amat yakin projek ini akan mendapat sambutan yang lebih hangat sekiranya karnival seumpama ini diadakan pada masa hadapan. Ini kerana menurutnya, masyarakat hari ini lebih bijak bertikir untuk mencari seberapa banyak aset yang dapat dijadikan pelaburan pada masa hadapan.

Katanya lagi, SPP akan sentiasa berusaha menjadi pemaju yang terbaik di samping dapat memenuhi citarasa masyarakat hari ini yang sentiasa menekankan konsep, mutu dan kualiti pembinaan perumahan terbaik untuk rumah kediaman mereka. 



Untuk sebarang maklumat mengenai jualan, sila hubungi SPP di talian: 09 741 4515





# Binaraya Tunai Tanggungjawab Sosial Korporat

Oleh : Farrah & Wanra

**BINARAYA** PKINK Sdn Bhd (Binaraya), syarikat Kumpulan PKINK turut memainkan peranan dalam menunaikan tanggungjawab sosial korporat kepada rakyat Kelantan. Sebagai sebuah syarikat anak PKINK, Binaraya yang terlibat dalam sektor pembangunan hartanah dan pembinaan rumah kediaman serta premis-premis komersil tidak lupa untuk berkongsi kesusahan dengan golongan masyarakat yang memerlukan.

Pada awal Julai lalu, Binaraya telah berjaya menyiapkan sebuah rumah untuk disumbangkan kepada seorang amalah, Puan Hasnah Seman, di Kampung Padang Bongor, Jalan Pengkalan Chepa. Binaraya memperuntukkan lebih RM30,000 untuk membina rumah tersebut yang mengambil masa tiga bulan untuk disiapkan.


Majlis penyerahan kunci rumah tersebut telah disempurnakan oleh Adun Tanjung Mas, Rohani Ibrahim pada 2 Julai lalu



sambil disaksikan oleh Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesihatan Negeri Kelantan, Hj Wan Ubaidah Omar dan Ketua Eksekutif PKINK, Mohd Sabri Abdullah. Turut hadir, Timbalan Ketua Eksekutif (P&P) PKINK, Ir Mustafa Salleh, Pengurus Besar Binaraya, Nik Kamil Amirah Nik Ab. Rahman, Pengurus Pemasaran & Perhubungan Awam, Hj Ahmad Farid Hj Mahmood serta beberapa wakil pengurusan syarikat Binaraya dan PKINK.

Pengurus Pemasaran dan Perhubungan Awam Binaraya PKINK Sdn Bhd, Hj Ahmad Farid Hj Mahmood ketika ditemui berkata, ini merupakan projek pertama tahun 2009, yang bertujuan menunaikan tanggungjawab sosial korporat syarikat kepada masyarakat miskin.

"Kami selaku agensi kerajaan yang bernaung di bawah PKINK sentiasa prihatin dan peka terhadap keperluan dan kehendak rakyat. Jesteru itu, sebagai salah satu bentuk bantuan kepada rakyat miskin, sumbangan seperti ini akan sentiasa kami dahulukan bagi membantu mereka yang kurang bemaslah baik dan sangat memerlukan sumbangan".

Mengulas mengenai pembinaan rumah tersebut, Ketua Eksekutif PKINK Hj Mohd Sabri Abdullah berkata program seperti ini akan sentiasa dijadikan agenda berterusan bagi Kumpulan PKINK. 



## Jalan Baru Dijangka Memberi Manfaat Kepada Penduduk



**SYARIKAT** Ladang Sungai Terah (SLST), anak syarikat PKINK dalam rangka membina jalan baru yang akan menghubungkan Kilang Sawit SLST dan Jambatan Kampung Jeribong, Jeli. Jalan ini dijangka akan mula beroperasi pada tahun 2011 yang membabitkan kos sebanyak RM10 juta.

Projek pembinaan jalan sepanjang empat kilometer itu bersambung dari Jambatan Kampung Jeribong yang dalam proses pembinaan oleh Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesesdar).

Menurut jurucakap SLST, Rahim Yusoff


Sdn Bhd sudah dilantik sebagai perunding untuk projek itu.

"Jalan ini kelak akan membawa rahmat bukan saja kepada penduduk kampung, malah kepada kilang sawit SLST di Ladang Tapis," katanya.

Beliau berkata, sehingga ini, kerja-kerja 'soil investigation' dan 'design stage' telah siap dan pelan pengambilalihan tanah (Land Acquisition @ LA Plan) juga telah siap di peringkat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan 'LA plan' bagi projek itu akan dihantar ke Unit Perancang

Ekonomi (Upem) sebelum dipohon untuk kelulusan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco).

Katanya, pembinaan jalan ini akan melibatkan pembelian dan pengambilan balik tanah.

"Pembinaan jalan ini dijangka dapat memberi manfaat kepada penduduk sekitar kawasan terbabit yang menggunakan kemudahan jalan ini sebagai penghubung ke jalan utama," katanya. 

## Kilang Sawit SLST di Ladang Tapis, Jeli Mampu Tingkatkan Ekonomi Pekebun Sawit

**JELI:** SYARIKAT Ladang Sungai Terah (SLST), anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) sekali lagi melakar sejarah dalam pemacuan ekonomi masyarakat tani di kawasan hulu Kelantan apabila ia membina sebuah kilang sawit bernilai RM36 juta untuk memproses buah tandan segar milik syarikat itu, tidak lama lagi.

Menurut kenyataan pihak pengurusan syarikat berkenaan, kilang yang dicadangkan itu akan dibina di tanah seluas lebih kurang 50 ekar, berhampiran Ladang Tapis.

Menurutnya, ia selaras dengan pembangunan ladang-ladang baru milik SLST yang sedang giat dilaksanakan di sini seluas 8,000 hektar.

Di samping itu, terdapat juga beberapa ladang baru yang dibangunkan di sekitar kawasan berkenaan milik syarikat lain

meliputi keluasan 3,000 hektar.

"Adalah dijangkakan setelah ladang-ladang itu matang sepenuhnya, sebuah kilang perlu dibina.

"Ini memandangkan kilang sawit yang paling hampir melebihi 70km dari sini," katanya.

Menurutnya, kilang sawit yang dicadangkan itu berkapasiti 45mt/jam dan boleh ditingkatkan menjadi 60mt/jam.

Beliau berkata, perunding untuk pembinaan kilang sawit itu sudah dilantik dan pihak berkenaan telahpun mengadakan lawatan ke tapak kilang tersebut.


Menurut pihak pengurusan SLST itu lagi, sebanyak RM36 juta dianggarkan untuk pembinaan projek ini.

Beliau berkata, pembinaan kilang sawit ini secara tidak langsung dapat membantu pekebun di sekitar kawasan itu menghan-



tar buah kelapa sawit di kilang ini yang berdekatan dengan ladang mereka.


"Selain itu, peluang pekerjaan untuk penduduk tempatan terbuka luas dengan pembinaan kilang ini," katanya.

Apa yang lebih menarik lagi, selain itu, pihak syarikat bercadang membina kilang untuk memproses baja organik hasil sisa buangan kilang sawit ini. 



# CEO SMIDEC Lawat Pusat Pengeluaran Makanan Halal di Pengkalan Chepa


**31 MEI 2009** - Ketua pegawai Eksekutif Smidec, Dato' Hafshah Hashim telah melakukan lawatan ke Pusat Pengeluaran Makanan Halal (Hab Halal) pada 31 Mei lalu. Beliau bersama beberapa pegawai Smidec dari Kelantan hadir bagi meninjau lebih dekat perkembangan dan operasi pusat tersebut yang diuruskan oleh PKINK.

Rombongan Dato' Hafshah telah disambut oleh Ketua Eksekutif PKINK, Haji Mohd Sabri Abdullah, Timbalan Ketua Eksekutif (P&P) PKINK, Ir Mustafa Salleh, Pengurus-Pengurus Bahagian, Pegawai-Pegawai PKINK juga Pengusaha-Pengusaha di Halal Hub tersebut. Satu taklimat ringkas oleh Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK telah diadakan dan Dato' Hafshah turut mengambil peluang untuk menyampaikan sedikit maklumat kepada usahawan Halal mengenai peranan yang dimainkan oleh SMIDEC. 



## Kursus Manual Prosedur Kerja Dan Fail Meja PKINK



PKINK telah mengadakan Kursus Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja untuk anggota PKINK pada 19 hingga 21 Mei yang lalu bertempat di Bilik Operasi PKINK. Kursus selama tiga hari tersebut diadakan bertujuan meningkatkan kefahaman dan kemahiran anggota PKINK bagi menyediakan satu manual prosedur kerja dan fail meja yang lengkap dan tepat. Kursus telah diendahkan oleh penceramah dan Institut Tadbiran Awam, Wilayah Timur (INTIM), En. Mustafa Hussain. Seramai 60 orang anggota PKINK menyertai kursus yang diadakan pada kali ini. 






# Influenza A (H1N1)



**KOTA BHARU** - 15 Jun 2009, PKINK telah menganjurkan ceramah kesihatan mengenai penularan penyakit berjangkit yang dikenali Influenza A (H1N1). Penceramah jemputan ialah Dr. Zakuan Zainy Deris dari Hospital Universiti Sains Malaysia, Kuban Kerian. Ceramah yang diadakan di Tingkat 10, Bangunan PKINK itu dihadiri anggota PKINK dan juga penyewa bangunan PKINK.

Influenza A (H1N1) adalah sejenis penyakit berjangkit yang disebabkan oleh sejenis virus baru. Virus ini terhasil dari mutasi gene virus influenza babi, burung dan manusia. Maklumat yang ada pada masa ini menunjukkan bahawa kes yang terawal dijangkiti virus ini dilaporkan dari Mexico dan Amerika Syarikat pada 1 April 2009 dan telah menular ke negara-negara lain. Gejala awal jangkitan ini adalah mirip selsema seperti demam, batuk, sakit

kepala, sakit badan, sakit tekak, selsema dan kadangkala muntah-muntah atau cirit-birit. Virus ini berjangkit apabila pesakit batuk atau bersin. Tiisan cecair pernafasan yang keluar akan terkena tangan pesakit, permukaan atau tersebar ke udara, seterusnya seseorang akan dijangkiti samada melalui pernafasan, melalui sentuhan dengan tangan pesakit atau menyentuh permukaan-permukaan yang tercemar dengan titisan cecair pesakit.

Nasihat kepada orang yang dijangkiti ialah segera dapatkan rawatan daripada doktor, tutup mulut dengan tisu atau sapu tangan apabila batuk dan bersin serta kerap mencuci tangan selagi mereka mempunyai gejala penyakit ini. Pesakit juga tidak boleh menggunakan pengangkutan awam untuk mengelakkan jangkitan dan jauhi orang yang dikuarantin. 

# Wanita Bahagia

**KOTA BHARU** - 22 Jun 2009, PKINK telah menganjurkan satu ceramah bertajuk "Wanita Bahagia Keluarga Selesa". Ceramah tersebut telah disampaikan oleh Ustazah Asni Mansor, Penolong Pegarang Urusan, Tahsin Al-Quran Training Centre, yang beralamat di Taman Bukit Mewah, Kajang Selangor.

Wanita bahagian menjadi tajuk pilihan, kerana betapa pentingnya peranan wanita di dalam membentuk keluarga yang bahagia. Ceramah dimulai dengan maksud hadis "Jadilah kamu sebagai orang yang sedikit daripada menjadi orang yang ramai".

Di sekeliling kita, dapat kita perhati bahawa ramai manusia akan ke tempat yang tidak berfaedah dan sedikit saja yang akan ke masjid. Dalam kehidupan ini, kita barangkali tidak menyangka bahawa menjadi orang sedikit itu lebih

bagus daripada menjadi orang ramai. Keluarga bahagia merupakan keluarga yang mempunyai ibubapa dan anak-anak yang bahagia. Kita mestilah sentiasa ingat mengingati antara satu sama lain. Dalam melayari kehidupan kita ini, ajaran agama hendaklah diberi untuk diri sendiri, isteri dan anak-anak. Dalam perhubungan suami

isteri, kita juga mesti ikhlas dan percaya akan satu sama lain. Begitu juga untuk menjadi ibubapa yang cemerlang, kita mestilah menjadi contoh kepada anak-anak kita. Selain ikhtiar, kita tidak boleh lupa kepada doa, jadikan doa sebagai amalan hari, ingatlah tanggungjawab kita kekal sampai mati.





# Miliki Kebun Buah-buahan Tanpa Kerahkan Keringat



**BAGI** anda yang berminat untuk memiliki kebun buah-buahan tidak perlu lagi bersusah payah memerahkan keringat. Tidak perlu lagi membanting tulang empat kerat. Tidak perlu juga memanjat bukit atau menurun lembah dengan memikul parang.

Cerita orang membuka tanah hutan dengan hanya beralas perut dengan nasi berlauk garam mungkin tidak dapat dirasakan lagi.

Semua itu sudah berialu apabila Darulnaim Agro Management Industries Sdn. Bhd. (DAMAI) membuka peluang kepada rakyat negeri ini memiliki kebun buah-buahan.

Kejayaan membangunkan tanah di Dataran Rabuah di Jeli dengan tanaman buah-buahan menjadi projek perintis kepada DAMAI memberi peluang lebih ramai lagi rakyat memiliki kebun sendiri. Program itu dikenali sebagai Ladang Rakyat Dataran Rabuah.

Bagi mereka yang selalu berulang alik dari Jeli ke Gerik, Perak sudah tentu terpancang pokok durian yang merimbun di kiri kanan jalan di kawasan berkenaan.

Biar pun bukitnya agak curam, namun pokok durian yang ditanam sudah lama mengeluarkan buah.

Kebun tersebut sebenarnya milik rakyat Kelantan yang membeli daripada DAMAI. Menteri Besar, Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat juga dikatakan memiliki kebun di situ.

Begitu juga pokok dokong subur melonjak dari bumi. Tidak jauh dari pejabat DAMAI di Dataran Rabuah

ditanam limau madu.

Ini adalah usaha awal dilakukan kerajaan negeri melalui DAMAI. Kebun-kebun tersebut dijadikan lot dan dijual kepada rakyat Kelantan yang berminat.

Mereka tidak perlu mengusahakan sendiri kebun tersebut sebaliknya menyerahkan kepada DAMAI mengurusnya. Dan apabila tiba musim berbuah, mereka boleh datang menikmati hasil di kebun mereka.

Hasil kejayaan Dataran Rabuah di Jeli menyebarkan DAMAI memperkembangkan lagi program berkenaan.

Dan sehingga kini DAMAI telah membangunkan lima ladang rakyat iaitu;

- i) Ladang Rakyat Jeli
- ii) Ladang Rakyat Mukim Relai, Gua Musang
- iii) Ladang Rakyat Lojing Fasa I, Gua Musang
- iv) Ladang Rakyat Lojing Fasa II, Gua Musang
- v) Ladang Rakyat Lojing Fasa III, Gua Musang
- vi) Ladang Rakyat Lojing Fasa IV, Gua Musang

Selain itu, DAMAI juga mengusahakan tapak samaian di Mukim Apam, Pasir Mas.

Ladang Rakyat di Relai, Gua Musang terletak di tepi jalan raya Kuala Krai - Gua Musang iaitu sejauh 65 kilometer ke bandar Gua Musang dan 55 kilometer dari Kuala Krai.

Tidak payah untuk mengecamkan lokasi berkenaan. Selepas perjalanan dari Kuala Krai anda akan menemui pintu gerbang yang bertulis Selamat Datang ke Gua Musang. Ia tidak jauh dari deretan







kedai makan yang terletak di Sungai Syam, Kuala Krai. Dan tidak jauh dari situ anda akan terpancing bukit di kiri kanan jalan yang sudah dibersihkan.

Kawasan yang dibangunkan dengan kebun buah-buahan di situ seluas 100 ekar. Dan status pegangan hak milik yang ditawarkan iaitu tempoh pajakan selama 99 tahun.

Pembangunan ladang di mukim Relai dilaksanakan dalam dua fasa. Fasa pertama melibatkan kawasan seluas 60 ekar dibangunkan tahun ini (2009).

Manakala bagi fasa kedua seluas 100 ekar lagi akan dibangunkan tahun hadapan (2010).

Kebun buah-buahan ditawarkan kepada orang ramai seluas dua ekar. Konsepnya sama seperti Dataran Buah di Jeli.

Apa yang lebih menarik lagi, Ladang Rakyat di Relai akan ditanam dengan pokok durian terpilih jenis D197 atau lebih dikenali sebagai durian kunyit. Selain itu turut ditanam pokok manggis dan gaharu.

Pokok yang akan ditanam di kebun

tersebut iaitu;

- 20 pokok durian D197 (kunyit)
- 30 pokok manggis
- 100 pokok gaharu

Bagi anda yang berminat untuk memiliki kebun buah-buahan sendiri peluang terberntang di depan anda sekarang. Harga yang ditawarkan amat berpatutan antara RM41,000 hingga RM45,000 bagi setiap lot ( 2 ekar).

Harganya tidak mahal kerana kebun yang dibeli tersebut termasuk juga nilai tanaman yang akan ditanam. Ini bermakna harga yang ditawarkan bukan tanah kosong yang penuh dengan semak dan samun.

Oleh itu bagi anda yang berminat Agro Bank Cawangan Tanah Merah sedia untuk membantu anda.

Namun bagi anda yang lambat membuat keputusan akan terlepas peluang keemasan tersebut. Ini kerana konsep yang ditawarkan DAMAI tidak dilakukan pihak lain.

Lot kebun buah-buahan yang ditawarkan di Ladang Rakyat di Mukim Relai sebanyak 116 lot. Dan sehingga sekarang sebanyak

84 lot sudah dijual. Lot kebun tersebut ditanam dengan pokok durian kunyit, durian, rambutan dan manggis. Sekarang Cuma tinggal empat lot lagi belum ada pemiliknya.

Begitu juga sebanyak 28 lot lagi yang akan ditanam dengan pokok gaharu, durian kunyit, dokong, rambutan dan manggis belum terjual. Jumlah lot yang sedia ditawarkan DAMAI kepada orang ramai sekarang sebanyak 32 lot.

Kebun tersebut akan diurus sepenuhnya DAMAI. Namun mulai tahun kelima selepas pembelian dibuat kos untuk senggaraan iaitu (bahan dan upah) perlu dibayar oleh pemilik kebun dianggarkan antara RM1,800 hingga RM2,000 setahun.

Inilah peluang keemasan bagi ada di Kelantan. Kebiasaan mereka yang ingin memiliki kebun buah-buah sendiri tentunya terpaksa berbelanja lebih besar lagi.

Ladang perlu dibersihkan dan diusahakan sendiri. Namun DAMAI sedia menawarkan kelainannya. Semuanya ada di Kelantan. Inilah berkat pentadbiran negeri di bawah kepemimpinan ulama. (S)

## SMIDEX 2009



**PERUSAHAAN** Industri Kecil dan Sederhana kini bukan lagi perusahaan yang memberikan pulangan sekadar cukup makan kepada pengusahanya malah kelangsungannya telah menyemarakkan aktiviti keusahawanan, perekonomian bahkan turut menjana pendapatan dan memperkukuhkan kedudukan ekonomi negara dimana ruang lingkup pasaran produk-produk yang dikeluarkan pengusaha-pengusaha ini tidak lagi terbatas kepada pasaran domestik tetapi telah menembusi pasaran global. Bagi menentukan perusahaan ini terus berkembang dan kompetitif, SMIDEX telah menganjurkan SMIDEX 2009 pada 3-5 Jun bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Penyertaan Negeri Kelantan telah diurussetakan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan sekali lagi Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK (BPU) telah mengkoordinasikan penyertaan para pengusaha yang terpilih.

Aktiviti jualan di SMIDEX tidaklah begitu rancak dan hangat jika dibandingkan dengan lain-lain program ekspo dan pameran yang disertai. Apa yang berlaku adalah sebaliknya. Di sini kita sebagai ko-ordinator dan pengusaha perlu berkerja keras berkunjung dari gerai ke gerai memperkenalkan diri di samping mempromosikan produk yang dikeluarkan. Biar pun pada permulaannya agak hambar tetapi selepas beberapa jam berlalu suasana menjadi rancak. Masing-masing berusaha untuk menarik seberapa ramai pengusaha lain untuk berkunjung ke gerai kita di samping melayani pengunjung selaku pelanggan bagi urusan jualan langsung.

Peserta / Pengusaha yang terpilih untuk menyertai SMIDEX 2009 ialah:

- i) Projek D'Raja Kelantan ..... Anika Produk
- ii) Biomass Trading ..... Herba
- iii) Perusahaan Seri Tunjung ..... Rempah Segera
- iv) Ezy Boutique ..... Batik
- v) Nar Batik Collection ..... Produk Kesihatan
- vi) Permata Hjrjah ..... Mata
- vii) Persatuan Nelayan Tumpat ..... Makanan Ringan/ Produk Hasil Laut
- viii) I Medikel Pharmaceutical S/B. .... Kosmetik
- ix) Minyak Mastika Marketing S/B. .... Herba
- x) Perusahaan Perak Pdg. Tembak .... Produk Perak

Majlis perasmian SMIDEX 2009 telah disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, YAB. Tan Seri Muhyiddin Yasin pada 4 Jun 2009. Program ini yang telah diisytiharkan sebagai program tahunan akan menyusul lagi pada tahun-tahun mendatang dan sebagaimana besarnya harapan pihak penganjur, besar jugalah hasrat dan harapan pengusaha untuk melebarkan sayap mereka melalui program ini. (S)





# PKINK Sertai Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Kelantan 2009



**PROGRAM** Usahawan Muda merupakan satu program yang telah sekian tahun dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan dan Yayasan Islam Kelantan (YIK) selaku Sekretariat bersama di peringkat negeri. Pelaksanaan Program Usahawan Muda merupakan asas atau satu konsep pendedahan awal bagi melatih dan membimbing para pelajar di sekolah-sekolah menengah yang terpilih untuk memahami aspek-aspek

keusahawanan bahkan menjadikannya sebagai satu kerjaya apabila menamatkan pengajian kelak.

Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri Kelantan telah diadakan pada 23 hingga 29 Julai lalu bertempat di Perkarangan Stadium Sultan Muhd Ke-IV, Kota Bharu. Majlis perasmian telah disempumakan oleh Menteri Besar Kelantan, YAB Tuan Guru Dato' Hj Nik Abd Aziz Nik Mat pada 23 Julai lalu.

Lebih 30 agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan terlibat dalam pameran sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Kelantan kali ini. PKINK dan anak syarikatnya, Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB), Syarikat Ladang Sungai Terah dan Kompleks Perkayuan Kelantan turut terlibat secara langsung dalam pameran kali.

Selain itu, anak syarikat KPKB, Damai turut membuka gerai jualan benih pokok dan gerai buah-buahan pada sambutan Hari Peladang tahun ini.

Bagi memeriahkan sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan pada tahun ini, sekretariat Pameran iaitu MARDI Kelantan telah menyusun beberapa program untuk menarik minat masyarakat berkunjung ke booth pameran agensi-agensi Kerajaan yang terlibat. Antara aturcara yang disusun ialah demonstrasi masakan, kuiz dan acara-acara sampingan yang lain.

Sementara itu, PKINK turut menampilkan Perdana Resort untuk demonstrasi masakan di pentas utama dan turut menawarkan hadiah bagi soalan kuiz bagi pengunjung yang melawat booth PKINK.






# Penyertaan PKINK Dalam MIHAS 2009

Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) merupakan acara tahunan anjuran MITI dengan sokongan Kerajaan Malaysia dan agensi kerajaan yang berkaitan seperti MATRADE dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). MIHAS 2009 telah berlangsung selama 5 hari bermula 5 Mei hingga 10 Mei 2009 bertempat di Pusat Pameran dan Konvensyen MATRADE, Kuala Lumpur. Penyertaan negeri Kelantan ke MIHAS 2009 telah diurusetikan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) manakala Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK telah bertindak sebagai koordinator yang mengurus penyertaan 7 syarikat/usahawan tempatan yang mempunyai Sijil Halal.

MIHAS 2009 merupakan salah satu acara terbesar dalam sejarah pengajuannya yang telah berjaya menarik penyertaan 650 pengusaha tempatan dan antarabangsa yang memanfaatkan penyertaan mereka menerusi jualan langsung kepada pengunjung pameran dan matlamat yang lebih besar ialah penyebaran maklumat tentang produk yang mereka keluarkan dan mendapatkan rangkaian rakan niaga yang berpotensi.

Tujuh buah syarikat dan pengusaha yang telah terpilih untuk menyertai MIHAS 2009 ialah:

- I) Permodalan Kelantan Berhad
- II) Murni Marketing Sdn Bhd
- III) Success Biotech Ventures
- IV) PRM Global Vision
- V) Perusahaan Seri Tunjung
- VI) I Medikel Pharmaceutical Sdn Bhd
- VII) Biomax Trading Sdn Bhd

Selain dari melahirkan penghargaan dan terima kasih kerana terpilih, para pengusaha ini berharap mereka akan terus dipertimbangkan untuk menyertai lain-lain program pada masa akan datang. 







## Perdana Resort Kekal Sebagai Tumpuan Penginapan Pelancong

**KEJAYAAN** Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) mewujudkan sebuah kawasan penginapan di pinggir Pantai Cahaya Bulan yang dikenali sebagai Perdana Resort yang terletak 13Km dari Bandar Kota Bharu dengan 117 buah chalet yang merangkumi Kelas Standard (32), Superior (62) dan Deluxe (23) kini kekal menjadi tumpuan pelancong dan mampu bersaing dengan chalet yang berhampiran.

Menurut Pengurus Sumber Manusia, Puan Anita Ahmad, Perdana Resort kini sudah menjangkau 20 tahun dan beroperasi sepenuhnya dengan tenaga kerja terkini seramai 104 kakitangan, mampu bersaing dengan pusat penginapan yang kini tumbuh bagaikan cendawan di kawasan Pantai Cahaya Bulan.

Dalam memberi kepuasan kepada pengunjung, Perdana Resort telah memperkenalkan beberapa pakej seperti "Value Deal Package 2009" yang mengajak pengunjung untuk bermalam selama dua hari satu malam dengan harga bermula RM50 sahaja untuk sebuah Chalet bertaraf standard dan ia ditawarkan pada hari biasa.

Puan Anita juga berkata Perdana Resort ada memperkenalkan "Reunion Package" dengan RM650 ke atas bagi lima buah Chalet bertaraf Superior, ia juga termasuk

dengan set BBQ untuk 10 orang di kawasan terbuka di dalam kawasan Perdana Resort, di samping itu juga ia diberi kemudahan kawasan bersukan seperti bola tampar pantai, bola sepak pantai, Sepak Takraw dan pelbagai lagi.

Bagi merealisasikan hari keluarga berkumpul, Perdana Resort juga ada menyediakan "Pakej Hari Keluarga 2009"

Pakej tersebut menawarkan harga istimewa serendah RM350 dengan meliputi Tapak Permainan, 6 jenis sukaneka pilihan, Sistem Pembesar Suara, Penyelaras Permainan, satu unit Khemah dan ia terhad kepada 50 peserta.

Sementara itu dari pakej makanan istimewa pula, Anita berkata di sepanjang tahun 2009 ini terdapat pelbagai masakan dan menu yang istimewa yang boleh menarik pengunjung untuk datang kembali iaitu dengan penyediaan masakan tradisional Kelantan di hujung minggu dan musim cuti persekolahan dengan kedudukan restoran terbuka yang dikenali dengan nama Senangin Restaurant. Di samping itu pada setiap hari, pengunjung boleh menikmati menu istimewa seperti Sizzling Steak, International Steamboat, Hong Kong Sizzling Prawns, Shanghai Sizzling noodle, Sizzling Chicken dan Nasi Kerabu Sizzling. Kesemua masakan tersebut disediakan dengan harga yang amat berpatutan.

Menyentuh program dan promosi di bulan Ramadhan, Anita berkata Perdana Resort akan mengadakan promosi "Jom Makan dan Solat Tarawih" pada setiap malam di sepanjang bulan Ramadhan tahun ini.

"Kita ada menyediakan dua Imam untuk mengendalikan program Solat Maghrib berjemaah, Solat Isyak dan Tarawih dan kedua-duanya adalah merupakan Penghafaz Al-Quran" ujar beliau.

Beliau juga berkata dari segi menu masakan di bulan Ramadhan, ia pasti akan menarik minat pengunjung dan harga bermula dengan RM38 bagi dewasa dan RM25 bagi kanak-kanak dibawah 12 tahun.

"Pada setiap bulan Ramadhan, Perdana Resort juga akan mengadakan majlis berbuka puasa bersama Anak-anak yatim dan Insyaallah di tahun ini juga kita akan adakannya" kata beliau lagi.

Puan Anita berkata pada tahun lepas dengan adanya program Ihya Ramadhan bertempat di Dataran Stadium Sultan Muhammad ke-IV, terdapatnya peningkatan dalam penginapan di Perdana Resort dan diharapkan pada tahun ini juga orang ramai yang berminat untuk bermalam di Perdana Resort bolehlah menghubungi di talian 09-7744000 bagi membuat tempahan chalet.





## Webmel PKINK untuk PA dan Syarikat Anak

**DALAM** usaha melancarkan penggunaan emel dalam urusan kerja harian di PKINK, MIS PKINK telah mengadakan satu kelas khas untuk PA kepada pengurus-pengurus di PKINK pada 22 April dan 5 Mei yang lalu.

Kelas ini dianjurkan untuk melancarkan urusan emel di peringkat Pengurus dan Pembantu serta urusan di antara bahagian-bahagian. Pendekatan kelas berperingkat dibuat untuk memastikan apa yang dikehendaki pada kelas pertama dan seterusnya dapat difahami dengan sebaik mungkin. Penggunaan webmel yang baru

menggunakan Outlook Web Access ini turut digunakan untuk panggilan mesyuarat dan diharap dapat membawa PKINK ke arah budaya 'paperless'.

Selaras dengan itu ianya dikembangkan juga untuk syarikat anak. Di antara Syarikat Anak dan ibu pejabat turut dipermudahkan lagi dengan mewujudkan perhubungan emel yang sama dan wakil setiap syarikat telah turut hadir dalam kursus tersebut pada 25 Jun yang lalu. ☺

## Pusat Inkubator ICT Negeri Kelantan

**PUSAT** Inkubator ICT di bawah kendalian PKINK telah ditubuhkan dan akan beroperasi di tingkat 2 KB Bazaar. Pusat Inkubator ICT berstatus MSC ini dijangka akan dirasmikan pada Ogos 2009 bertujuan untuk mengembangkan idea-idea yang mempunyai nilai komersial daripada bakat-bakat yang ada di Kelantan untuk diketengahkan dan seterusnya menghasilkan prototaip yang boleh dimajukan untuk dipasarkan bukan sekadar di dalam negara bahkan hingga ke peringkat antarabangsa. Pusat ini dibangunkan dengan kerjasama daripada MDEC (Multimedia Development Corporation) yang membekalkan perkakasan ICT seperti server, komputer, perisian dan sebagainya.

Pusat inkubator ini mempunyai beberapa makmal teknologi (*technology labs*) bagi tujuan pengem-

baran idea dan pembinaan prototaip dengan menggunakan beberapa platform yang berlainan seperti Microsoft dan Open-Source (JAVA/Linux). Selain daripada itu, pusat ini juga mempunyai makmal komputer, bilik pembangunan inkubator, bilik mesyuarat, bilik pameran yang akan mempamerkan produk-produk yang dihasilkan oleh peserta inkubator serta lot-lot inkubator yang akan digunakan oleh inkubatee. Setiap lot inkubator akan dibekalkan dengan kelengkapan asas seperti perabut, talian internet serta elektrik.

Selain daripada menawarkan lot-lot inkubator untuk sewaan pada kos yang amat berpatutan, pusat ini juga menawarkan khidmat perundingan, khidmat pembangunan keusahawanan teknologi serta bantuan untuk mendapatkan sumber pembiayaan bagi tujuan pembangunan teknologi ICT yang layak. ☺



## SOALAN:

“Saya memang berminat untuk menjadi Usahawan sepenuh masa serta berhasrat membuka pusat cuci kereta di sekitar pekan kediaman kami. Saya ingin mendapatkan maklumat mengenai peralatan dan bahan yang paling asas bagi sesebuah pusat cuci kereta, yang perlu saya sediakan nanti...”



## JAWAPAN:

Sebelum memulakan pemiagaan bakal pengusaha perlu membuat keputusan apakah sistem/kaedah pengeluaran yang akan digunakan. Kaedah ini akan menentukan apakah peralatan dan bahan yang akan diperlukan. Berdasarkan kajian, hampir semua responden yang dilawati menggunakan pendekatan operasi berasaskan intensif buruh. Ini bermaksud, setiap peringkat pengeluarannya banyak menggunakan tenaga pekerja. Walau bagaimanapun, bakal pengusaha seharusnya mengetahui peralatan/teknologi terkini yang terdapat di pasaran, baik di dalam atau di luar negara. Maklumat ini akan membantu bakal pengusaha membuat keputusan dalam menentukan sistem/kaedah pengeluaran. Saudara boleh memperolehi maklumat ini di laman web [www.detailplus.com](http://www.detailplus.com).

## a) Peralatan

Secara umumnya, sesebuah 'Pusat pemiagaan penjagaan dan pencucian kereta' menggunakan lima (5) peralatan asas seperti mana dinyatakan dalam jadual Kos di bawah :

PERALATAN YANG DIGUNAKAN BAGI PERNIAGAAN  
PENCUCIAN DAN PENJAGAAN KERETA

Peralatan/Bahan	Kos Terendah (RM)	Kos Purata (RM)
1. Water Pump	1,200	1,500
2. Snow Wash Machine	2,000	3,000
3. Air Pressure	600	1,200
4. Wet & Dry Vacuum Cleaner	300	800
5. Polish Machine	400	1,000

Bagi mereka yang sanggup membuat pelaburan yang lebih tinggi, terdapat beberapa peralatan yang lebih tinggi keupayaan dan kecekapan antaranya adalah :

- Chemtrol pelbagai guna yang mempunyai fungsi untuk syampu, wax, polishing dan glass cleaning.
- **Automatic mat washer dan dryer** – untuk membersihkan dan mengering rubber Mat.
- **Carpet dry system** – membersihkan permaidani secara automatik.
- **Soil extractors** – membersihkan bahagian dalam kenderaan.

- **Interior repair** – Membersihkan/repair leather seat.
- **Car wash system** – Membersihkan bahagian luar kenderaan.

Peralatan ini tiada di pasaran tempatan dan sekiranya perlu di import. Maklumat berhubung dengan peralatan ini boleh diperolehi melalui laman web [www.detailplus.com](http://www.detailplus.com).

## b) Bahan-bahan

Di antara bahan dan kos bahan yang biasanya digunakan oleh pengusaha berdasarkan kajian adalah seperti jadual di bawah :

## BAHAN-BAHAN PENCUCIAN KERETA

Bahan	Anggaran Harga
1. Syampu Biasa	RM50.00/5 liter
2. Syampu enjin	RM45.00/5 liter
3. Wax (getah)	RM130.00/5 liter
4. Snow Wash powder	RM60.00/beg
5. Car Polish	RM45.00

Bahan-bahan di atas boleh didapati dengan mudah di pasaran tempatan. Selain daripada bahan-bahan tersebut, terdapat syampu/wax/pencuci yang dibuat khusus untuk digunakan kepada sesuatu peralatan kenderaan bagi memastikan produk akhir yang dikeluarkan berkualiti dan tidak memberi kesan sampingan kepada peralatan, di antaranya adalah:

- **Carpet & upholstery syampu dan fabric plus anti stain protectant** – di buat khusus untuk mencuci permaidani dan peralatan berdasarkan fibers.
- **Deodorizer** – spray pewangi yang tidak memberi kesan kepada peralatan kenderaan.
- **Mink plus leather conditioner** – khusus untuk bahagian berasaskan kulit.
- **Odor rid** – Untuk mencegah pembiakan/mengeluarkan kulat pada kereta.

## c) Bahan/Peralatan lain

Selain daripada peralatan dan bahan yang dinyatakan di atas, komputer juga penting untuk digunakan khususnya bagi kawalan pengurusan dan kewangan. Keperluan-keperluan lain seperti kain, span dan sebagainya adalah dalam jumlah yang kecil dari segi nilai dan ianya dapat diperolehi dengan mudah. ....



## TEKA SILANGKATA SIRI 2/09



© Rusli BPU/TSG209/HF87645

## MELINTANG

2. Antara firma global yang menguasai 46% jualan runcit pasar hyper di Malaysia.
5. Pengeluar herba tradisional terkenal di Utara Malaysia.
6. Jenama produk elektrikal Malaysia di pasaran antarabangsa.
9. Situasi dalam bajet Kerajaan apabila pendapatan melebihi perbelanjaan (Ingg.)
10. Teguh dan Tahan (*Built tough*) mempunyai kaitan dengan kenderaan ini.
11. 'Perletakan' produk penting dalam hati dan minda pelanggan (Ingg).
13. Orang ke 7 terkaya di Malaysia adalah pemilik Yayasan ini.

## KE BAWAH

1. Urusan seharian manusia berkaitan dengan aspek ekonomi dan sosial (Arab).
3. Pesaing terdekat Nokia dalam dunia telekomunikasi.
4. Makam pelancongan di Pulau Lagenda, Kedah.
7. Dalam 5S, prosedur ketiga ini bermaksud 'Sapu'.
8. Profesor dan 'Mahaguru Pengurusan' terkenal ini meninggal pada 1 Nov 2005.
12. Rakan pembiayaan Usahawan Mikro di Malaysia.

## SOALAN DAN JAWAPAN SILANGKATA 1/09



## MELINTANG

1. Makanan halal lagi bersih.
2. Antara meru tanah bertaraf dunia di Malaysia.
5. Arah sesebuah syarikat yang membentuk visi.
6. Minuman berkhasiat ini kini berada di pasaran dunia.
9. Pesaing utamanya ialah Hewlett Packard.
10. 'Pengkayaan Pemasaran' (Inggens)
11. Modal ekuiti yang diperolehi hasil jualan saham.

## KE BAWAH

1. Penjaja tenaga tunggal negara
2. Jenama fesyen mewah dunia sempena perekrutnya.
3. Antara ciri-ciri unggul Usahawan muslim
5. Perriagaan ini laris di pulau-pulau perhentian
7. Pengeluar bas dan trak diesel terbesar di Jepun sejak 1973





# Suarasa TV9

# Sua TV Rasa



**KOTA BHARU** - buat pertama kalinya pihak TV9, dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kelantan telah mengadakan ekspo yang dikenali dengan nama Sua Rasa TV9, di negeri Kelantan. Ekspo tersebut telah diadakan di Perkarangan Stadium Sultan Muhammad keIV, pada 1 - 2 Mei 2009.

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah dijemput untuk sama-sama memeriahkan program tersebut. PKINK telah diwakili anak-anak syarikatnya seperti Binaraya PKINK Sdn Bhd, SPP Development Sdn Bhd, Kumpulan Pertanian Kelantan Sdn Bhd, Pemmodalan Kelantan Bhd, Aptus Net Sdn Bhd dan PKINK selaku penyelarasnya. Antara pameran yang dibawa oleh Kumpulan PKINK ialah promosi jualan rumah kediaman, jualan jus rosselle, emas dinar dan rangkaian internet. Booth PKINK telah dikunjungi melebihi 5,000 pengunjung sepanjang program berjalan.


TV9, Che Bukhari Che Muda. Booth PKINK turut menampilkan pengacara terkenal TV9, Puan Farah Diba bagi mengendalikan rancangan kuiz PKINK.

Turut tampil bersiaran secara langsung dalam program Sua Rasa TV9 di Kelantan kali ini ialah Menteri Besar Kelantan, YAB Tuan Guru Dato' Hj Nik Abd Aziz Nik Mat, Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pembangunan Maklumat, Sains dan Teknologi Negeri Kelantan, Dr Mohamed Fadzi Dato' Hassan dan Ketua Eksekutif PKINK, Haji Mohd Sabri Abdullah. Menurut beliau, PKINK akan terus berusaha untuk meningkatkan peranan bukan sahaja dari segi aspek pencapaian ringgit iaitu untung rugi perniagaan, tetapi dalam rangka mencapai matlamat asas yang telah digariskan sejak penubuhan PKINK pada tahun 1966. Beliau amat mengharapkan sokongan daripada semua pihak bagi

mencapai matlamat ini.

Pada masa ini katanya, PKINK memberi fokus dan tumpuan kepada aktiviti-aktiviti utama dalam sektor-sektor perkhidmatan, perladangan dan pembangunan hartanah, di samping sektor pertanian dan beberapa sektor yang lain. Sebagai contoh, dalam sektor perkhidmatan, PKINK telah melaksanakan dan menubuhkan pajak gadai Islam (AR-Rahn) di seluruh negeri dan juga di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia serta penglibatan PKINK dalam pembinaan infrastruktur telekomunikasi mudah alih di seluruh negeri Kelantan.

Dalam sektor perladangan, sehingga kini PKINK telah mencapai keluasan hampir 40 ribu ekar bagi pembukaan ladang kelapa sawit melalui Syarikat Ladang Sungai Terah. Sementara, bagi sektor pembangunan hartanah, PKINK akan terus terlibat dalam pembangunan bandar dan pembangunan-pembangunan di sekitar bandar disamping menyediakan premis-premis perniagaan yang mampu dimiliki oleh Bumiputera.

Majlis silaturrahim tersebut yang dianjurkan oleh PKINK telah dihadiri oleh Pengurusan Kanan PKINK, Pegawai-Pegawai PKINK, Ketua-Ketua Jajahan dan Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kelantan. 





# Pelancaran Kod Etika Anggota Perkhidmatan Awam Negeri

**KOTA BHARU** - Kod Etika Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan telah dilancarkan di peringkat PKINK pada 11 Mei lalu oleh Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Ekonomi, Kewangan dan Kebajikan Negeri Kelantan, Dato' Husam Musa yang juga merupakan ahli Lembaga Pengarah PKINK.

Sempena majlis tersebut, pihak PKINK telah menjemput salah seorang panel penggubal kod etika anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan, Prof Madya Dr Abdullah Sudin Abd Rahman bagi mengulas dan mengupas dengan lebih lanjut buku Kod Etika Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan.

Kod Etika Anggota Perkhidmatan Awam telah dijadikan Pekeliling Am Negeri Kelantan Bilangan 1 Tahun 2008.



"Dato' Husam Musa"

Pemakaian Kod Etika Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan ini telah diputuskan oleh Kerajaan Negeri menerusi Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 2/174/2008 (86) pada 23 Januari 2008.

Nilai teras kepada Kod Etika ini ialah tiga komponen atau prinsip utama iaitu 'Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itiqan. Objektif Pekeliling ini dilancarkan ialah untuk melahirkan anggota Perkhidmatan Awam yang berpegang teguh dan

menghayati ajaran agama, beretika, berakhlak mulia dan berintegriti tinggi sepanjang masa.

Sementara itu, Dato' Husam Musa dalam ucapan pelancaran telah mengingatkan semua anggota PKINK supaya sentiasa mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak pentadbiran dan pengurusan. Menurutnya lagi, PKINK mestilah menjadi sebuah organisasi yang berteraskan kepada model pengurusan dan kepimpinan yang produktif.

"Dalam sudut pengurusan, PKINK perlu ada fokus bagi mencapai sesuatu kejayaan. Apabila kita ada sasaran yang tepat, kita perlu berusaha untuk mencapai kejayaan. Untuk mencapai kejayaan tersebut kita memerlukan penumpuan minda yang tepat dan mempunyai latihan yang mantap bagi menghidupkan sesebuah organisasi", kata beliau lagi.

Merujuk kepada kod etika yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri, beliau berkata, sesuatu polisi atau dasar merupakan ciri terpenting dalam mencapai kejayaan. Secara ironinya, polisi merupakan satu perlembagaan kepada gerak kerja yang terancang dan ber sistematik. Ia juga antara aspek terpenting dalam mengoptimalkan prestasi kejayaan.

"Keberkesanan sesebuah organisasi seperti PKINK bergantung



"Dato' Husam Musa mempersembahkan buku kod etika kepada Prof Madya Dr Abdullah Sudin Abd Rahman, Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Ekonomi, Kewangan dan Kebajikan Negeri Kelantan."



kepada perestasi dan kualiti kerja. Oleh itu perbagai insentif perlu dicari dan dilaksanakan bagi memastikan kualiti dan kuantiti bergerak seiring dan mencapai sasaran yang ditetapkan. Antara inisiatif yang boleh diambil ialah mengadakan kursus dan seminar berkaitan pengurusan dan kepimpinan", tambah beliau lagi.

Sementara itu, beliau juga berkata, hubungan baik antara pihak atasan dengan staf perlu dititik beratkan bagi menjamin terjalinya satu kerjasama yang utuh dan akhirnya mewujudkan kondisi kerja yang baik. Para pekerja pula perlu bersikap proaktif dan melibatkan diri dalam apa jua acara yang dianjurkan oleh syarikat, dan pihak atasan pula perlu mengambil pendekatan yang mesra tetapi tegas. Ini kerana,

disiplin merupakan asas bagi sesebuah kejayaan, tanpa disiplin maka segala visi dan misi syarikat tidak akan terlaksana dan tercapai degan jayanya.


Majlis pelancaran tersebut dihadiri oleh Pengurusan Kanan PKINK, Pengurus-Pengurus Bahagian, semua anggota PKINK dan Pengurus-Pengurus Besar Syarikat Anak.



# Mesyuarat Agung Koperasi PKINK

**KOPERASI PKINK** Berhad telah mengadakan Mesyuarat Agung kali ke-27 di Dewan Duyong, Perdana Resort, Pantai Cahaya Bulan pada 13 Jun 2009. Mesyuarat agung kali ini melibatkan pemilihan dua orang anggota lembaga pengarah yang telah tamat tempoh perkhidmatnya selama 3 tahun di samping membentangkan akaun dan lembaran imbangan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008, serta membentangkan bajet tahun 2010.

Sempena mesyuarat agung ini juga, satu seminar "Mengetahui Hal-Ehwal Koperasi" telah diadakan dengan penceramah jemputan iaitu Profesor Pendidikan U.I.A.M, Prof. Dr. Sidek Baba. Mesyuarat Agung Koperasi PKINK Bhd kali ke 27 telah dirasmikan oleh Ketua Eksekutif PKINK, Hj. Mohd Sabri Abdullah.

Di mesyuarat agung ini juga diadakan penyampaian bayaran insurans kepada balu anggota PKINK oleh Takaful Malaysia Bhd dan MCIS Zurich Ins. Bhd. Cek-Cek tersebut telah disampaikan oleh wakil syarikat masing-masing. Mesyuarat juga telah bersetuju meluluskan pemberian bonus kepada ahli-ahli ke atas saham dan pelaburan masing-masing sebanyak 10% dan 8%. 



Prof. Dr. Sidek Baba



Hj. Mohd Sabri Abdullah



Wakil MCIS Zurich Ins Bhd menyampaikan sumbangan cek kepada anak Allahyarham Mohd Fauzi Taib, bekas pengurus PKINK, sambil diperlihatkan Ketua Eksekutif PKINK.



Ketua Eksekutif PKINK menyampaikan cek kepada anak Allahyarham Mohd Fauzi Taib, bekas pengurus PKINK, sambil diperlihatkan wakil Syarikat Takaful Malaysia.



Antara ahli-ahli Koperasi yang menunggu untuk mendapatkan bonus ke atas saham dan pelaburan masing-masing.

Ahli Lembaga pengarah yang baru ialah:

1. Hj. Zainal Ab. Rahim
2. Hj. Mohd Adlan Mat Jusoh
3. Hj. Ahmad Farid Mahmood
4. Nik Mohd Kamal Nik Mahmood
5. Hajjah Azizah Daud
6. Hajjah Azizah Mustapha






# Staf Perdana Superbowl Sdn Bhd Terima Bonus

Oleh: Wan Norhashmah Wan Abd Razak

**BERTEMPAT** di ruang legar Perdana Superbowl Sdn Bhd, satu majlis penyampaian bonus telah diadakan pada 28 Mei 2008. Majlis penyampaian bonus itu telah dihadiri oleh Ahli Lembaga Pengarah Perdana Superbowl Sdn Bhd dan juga Pengurus Besar Perdana Superbowl, Wan Azmi Wan Yusof.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Belia, Sukan dan NGO Negeri YB Abdul Fattah Hj Mahmood telah menyampaikan bonus dua bulan gaji kepada 18 kakitangan Perdana Superbowl Sdn Bhd yang membabitkan peruntukan sebanyak RM23,000.00.

YB Abdul Fattah juga telah mengumumkan akan memberikan anugerah bulanan dan juga hadiah tertentu sebagai ransangan kepada pekerja bermula pada Jun ini. Anugerah bulanan ini akan diberikan kepada pekerja-pekerja contoh setiap bulan bagi menggalakkan pekerja-pekerja bekerja dengan lebih bersungguh-sungguh tanpa mengabaikan ikatan silaturahim antara pekerja.

Dengan penyampaian bonus dua bulan gaji itu YB Abdul Fattah berharap agar pekerja dapat memberi lebih komitmen dan menunjukkan prestasi yang lebih baik untuk meningkatkan lagi prestasi Perdana Superbowl Sdn Bhd di masa hadapan. 



YB Abdul Fattah Hj Mahmood menyampaikan bonus dua bulan gaji kepada kakitangan Perdana Superbowl Sdn Bhd




## Malam Jasamu Dikenang



**INFRA** Quest Sdn Bhd (IQSB) telah menganjurkan Majlis Makan Malam Jasamu Dikenang pada 12 Mei 2009 di Dewan Duyong, Perdana Resort, Kota Bharu. Majlis tersebut diadakan bertujuan merayakan bekas-bekas Pengerusi Lembaga Pengarah IQSB. Antara yang hadir ialah Haji Wan Yahya Wan Salleh, Haji Hanifa Ahmad, Haji Aziz Nawi dan Haji Mokhtar Ibrahim. Turut hadir ialah Ketua Eksekutif PKINK, Haji Mohd Sabri Abdullah, Ketua Pegawai Operasi IQSB, Mohd Ezan Mohd Adam, Pengurus Besar IQSB, A'ani Che Ali, ahli-ahli lembaga pengarah IQSB dan semua anggota IQSB.

IQSB adalah sebuah anak syarikat milik Permodalan Kelantan Berhad (PKB) iaitu salah sebuah syarikat milik penuh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan ia mula beroperasi pada 23hb Januari 1997 dan mula bergiat aktif pada awal tahun 2001.

IQSB telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Kelantan sebagai badan penyelaras yang berkhidmat untuk menguruskan perancangan, pelaksanaan dan penyelenggaraan infrastruktur-infrastruktur telekomunikasi di negeri Kelantan atau lebih dikenali sebagai 'One Stop Agency' (OSA) bermula 2hb Oktober 2003.

Sebagai 'One Stop Agency', IQSB bertanggungjawab untuk memastikan bahawa semua menara telekomunikasi yang dibina di seluruh negeri Kelantan mematuhi garis panduan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Kerajaan Negeri. Sehingga kini IQSB telah berjaya mendirikan 90 buah menara telekomunikasi di seluruh negeri Kelantan. 



# Pemilihan Wakil MBJ Sesi 2009 / 2011

**KOTA BHARU** - 20 Julai 2009, Mesyuarat Agung Majlis Bersama Jabatan (MBJ) telah diadakan di Bilik Operasi, Tingkat 10, Bangunan PKINK pada 20 Julai lalu. Mesyuarat tersebut telah dirasmikan oleh Ketua Eksekutif PKINK, Tuan Haji Mohd Sabri Abdullah.

Arahan penubuhan MBJ oleh Kerajaan telah dikuatkuasa melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/1979, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/1992 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/2002. Di PKINK, MBJ telah ditubuhkan sejak tahun 1983 lagi, diaktifkan semula pada tahun 1992 dan diaktifkan sekali lagi pada tahun 2002 apabila Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/2002 menegaskan beberapa syarat dan pemantauan rapi oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, antaranya;

- i) Wajib mesyuarat 4 kali setahun
- ii) Minit mesyuarat perlu dihantar ke JPA tidak lewat 2 minggu lepas mesyuarat

MBJ ditubuhkan bertujuan memperoleh kerjasama yang menyeluruh di antara pihak pengurusan dengan pihak pekerja.

Dalam melaksanakan tujuan ini, pekerja diberi peluang seluasnya untuk mengemukakan pendapat dan mengambil bahagian aktif dalam membincang dan menyelesaikan isu-isu berkaitan sistem kerja, urusan pentadbiran, kebajikan dan perjalanan organisasi, selagi tidak menyentuh dasar kerajaan dan hal-hal perseorangan/peribadi.



Di PKINK hubungan yang baik antara MBJ Pekerja dan MBJ Jabatan, telah memberi manfaat kepada anggota, antaranya;

- i) Urusan kenaikan pangkat dan pengisian kekosongan
- ii) Pengurusan bersetuju mewujudkan/penstrukturan semula perjawatan bagi Gred khas seperti N52, N44, N36, W36, J38, N26 dan lain-lain
- iii) Insuran berkelompok
- iv) Pinjaman kenderaan dan pinjaman komputer
- v) Penggantian perabut, kerusi, meja dan komputer
- vi) Perjumpaan dengan pihak pengurusan tanpa sekatan, disamping

- vii) perbanyakkan ceramah agama, kesihatan dan perjumpaan mingguan semua anggota.
- viii) Kemudahan letak kereta dan motor semua anggota dan bilik khas untuk pemandu.
- ix) Kemudahan klinik panel kepada suami-suami anggota wanita
- x) Kajian dasar kemudahan melanjutkan pelajaran
- xi) Pinjaman kakitangan kepada syarikat anak kumpulan.
- xii) Kemudahan kantin yang selesa dan cadangan mewujudkan gimnasium untuk anggota.



## Barisan kepimpinan MBJ yang baru

Pengerusi	: Mohd Rozi Mohd Nor
Setiausaha	: Surina Abd. Ghani
Ahli-Ahli	: Ridzuan Sidek Ismail Shauki Ibrahim Zainul Amin Mohd Zain Hj. Azman Hassan Aziz Mahmud Azmi Mohd Daud



# Bengkel Penyediaan Rancangan Perniagaan


**SATU** bengkel Penyediaan Rancangan Perniagaan telah berjaya dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK dengan dihadiri oleh seramai 25 peserta di Makmal Siber PKINK pada 25-26 Mei 2009 yang lalu. Peserta bengkel terdiri daripada bekas para peserta Kursus Keusahawanan Untuk Bakal Pesara dan ahli-ahli kelab Usahawan PKINK.

Penyediaan Rancangan Perniagaan kelab membolehkan usahawan / bakal usahawan mengetahui secara keseluruhan mengenai perniagaan mereka. Rancangan Perniagaan yang sempurna akan menjadi panduan kepada usahawan untuk memulakan dan mengurus operasi perniagaan dengan baik.

Menjadi harapan penganjur agar semua yang hadir telah berjaya mencapai objektif bengkel tersebut dalam memahami kepentingan rancangan perniagaan, memahami kaedah serta proses di dalam menyediakan rancangan perniagaan serta



mengenalpasti keperluan sebenar sumber syarikat. Pelaksanaan sesuatu projek di dalam pengurusan perniagaan sudah pasti

banyak berdasarkan dayaasaing syarikat dalam mengeksploitasi peluang-peluang pasaran. 

## BLOG untuk Pengurusan PKINK




**DALAM** usaha menaiktaraf Laman Web PKINK, Bahagian MIS telah maju setapak lagi dalam menyediakan slot interaktif melalui Intranet kepada anggota-anggotanya. Melalui slot tersebut, beberapa kemudahan capaian seperti Blog Pengurusan, Papan Kenyataan, Forum, Galeri, Muat Turun Borang dan Aduan serta

Cadangan telah dibangunkan.

Satu pendedahan telah diberi kepada pengurusan tertinggi PKINK yang terdiri daripada Ketua Eksekutif PKINK, Timbalan-timbalannya serta semua Pengurus-pengurus bahagian melalui satu sesi pembelajaran untuk mengendalik blog masing-masing pada 17 Mei 2009 yang lalu di Makmal Siber PKINK.

Blog-blog tersebut akan bertindak sebagai satu media untuk peringkat pengurusan menyalurkan maklumat kepada anggota PKINK. Blog tersebut juga boleh dicapai oleh warga PKINK melalui talian Intranet yang telah disediakan. Semoga semua yang terlibat dapat memanfaatkan media yang disediakan.

Tuan Ketua Eksekutif PKINK, Tuan Hj Mohd Sabri Abdullah dengan berbesar hati telah menyarankan agar semua pengurus-pengurus dapat menggunakan media tersebut dengan sebaiknya dalam mendekati diri dengan anggota-anggota bawahan kerana apa yang dihidangkan di blog masing-masing akan mencerminkan integriti pengurus itu sendiri. Insyaallah dengan terjalannya hubungan yang baik mutu kerja akan turut meningkatkan kearah mencapai objektif PKINK. 






## Bengkel IT & Business Writing Workshop Untuk Anggota Permodalan Kelantan Berhad

**PERMODALAN** Kelantan Berhad melalui Bahagian Akademi Permodalan yang bertanggungjawab dalam pembangunan modal insan ke arah melahirkan anggota yang berkemahiran dan berkualiti telah berjaya melaksanakan pelbagai program untuk anggota PKB.

Bengkel IT yang diadakan pada 4 Mei 2009 yang lalu di Makmal Siber PKINK telah disertai oleh seramai 20 orang peserta. Para

peserta telah didedahkan dengan pelbagai keperluan berkaitan IT yang boleh dipraktikkan dalam meningkatkan kerja masing-masing termasuk penggunaan emel dan Microsoft Office.

Pada 30 Jun 2009 pula seramai 20 orang telah menyertai program business Writing Workshop di mana program ini bertujuan untuk mendedahkan peserta mengenai format dokumentasi sesuai dengan kehendak organisasi. 

## Bengkel ICT untuk Imam-imam/Penolong Pendaftar Nikah Negeri Kelantan




**SEMPENA** Program Pembangunan Sains dan Teknologi 2009 peringkat Negeri Kelantan, satu program baru telah dilaksanakan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan terhadap penggunaan asas komputer kepada para imam dan penolong pendaftar nikah negeri. Bengkel anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dengan kerjasama beberapa agensi lain telah dihadiri oleh seramai 40 orang peserta. Bengkel 2 sesi tersebut telah diadakan pada 24 Mei 2009 yang lalu di Makmal Siber PKINK. Ianya selaras dengan seruan kerajaan dalam menjadikan rakyat Kelantan celik IT dan berdaya saing dalam mempertingkatkan pengetahuan dalam penggunaan komputer di kalangan masyarakat. Ia juga sebagai alternatif utama bagi memperkasakan pelaksanaan aplikasi e-Kerajaan (eNikah) yang wujud di negeri Kelantan.

Objektif utama bengkel adalah untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat terutama para imam dan penolong pendaftar nikah negeri terhadap perkembangan dan peranan ICT



Objektif utama bengkel adalah untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat terutama para imam dan penolong pendaftar nikah negeri terhadap perkembangan dan peranan ICT dalam mencorak kehidupan masa kini dan masa hadapan.

dalam mencorak kehidupan masa kini dan masa hadapan. Ianya juga sekaligus memberi pendedahan dan latihan asas terhadap penggunaan komputer secara 'hands-on' disamping mempertingkatkan budaya celik IT bagi mengurangkan jurang digital antara masyarakat setempat di negeri Kelantan. 



# TAWARAN LUMAYAN BULAN RAMADHAN

Oleh: A. Ubaidillah Alfa

## SYAABAN YANG BERLALU

Syaaban 1430 Hijrah telah berlalu. Tanpa kita sedari ia sudah pun berlalu dari umur kita. Mustahil ia diputarakan kembali. Di bulan Syaaban, Allah SWT mengangkat darjat orang yang menghidupkan bulan ini dengan amalan ibadat. Allah juga banyak mengurniakan rahmat kepada hambaNya. Rasulullah bersabda yang bermaksud: *"Allah mengangkat amalan-amalan semua hambaNya pada bulan ini (Syaaban)"*

Orang yang membesarkan bulan ini dengan beribadat, akan terpelihara dari maksiat. Taubatnya diterima juga terselamat dari mara bencana pada tahun berkenaan. Sabda Rasulullah saw lagi yang bermaksud: *"Barang siapa yang membesarkan Syaaban dan bertakwa kepada Allah SWT serta taat dan juga menahan diri daripada maksiat, Allah akan mengampuni dosa-dosanya dan menyelamatkannya daripada segala bencana yang berlaku pada tahun itu, juga daripada sakit-sakit."*

Kasih dan ketaatan orang yang beribadat pada tahun itu terhadap Allah akan kekal. Sabda Rasulullah saw yang bermaksud: *"Barangsiapa yang menghidupkan malam dua hari raya dan malam pertengahan bulan Syaaban, maka hatinya tidak mati biarpun semua hati mati ketika itu."* Kesemua hadis-hadis ini adalah tawaran lumayan yang ditawarkan oleh Allah SWT kepada umat Muhammad SAW. Namun, sejauh mana kita sudah merebutnya.

## RAMADHAN MENGHAMPIRI

Kini tawaran baru dibuka kepada kita bersempena kehadiran Ramadhan al-Mubarak. Sekalipun Ramadhan hanya datang sebulan dalam setahun, namun sesetengah daripada kita tidak merasakan kehadirannya. Bulan yang besar dan penuh keberkatan ini adalah bulan paling mulia di sisi Allah. Sebagaimana nabi SAW bersabda *"Penghulu segala hari ialah Jumaat, penghulu segala bulan adalah Ramadhan"*. Hadis itu menunjukkan nilai dan status bulan Ramadhan yang begitu tinggi.

Nabi menyatakan bahawa orang mukmin akan merasa gembira dan sukacita dengan kehadiran bulan Ramadhan, sebaliknya orang munafiq akan merasa dukacita dan tertekan. Dari situ nabi sering menguar-uarkan rasa sukacitanya dengan kehadiran bulan Ramadhan sebagai promosi dan galakan untuk menggandakan

ibadat.

Namun, ada segelintir manusia yang setiap kali Ramadhan menghampiri dia lebih sibuk memikirkan persediaan menyambut Syawal. Ramadhan belum lagi bermula, dia sudah berkira-kira untuk membeli perabot baru, pakaian baru, gubahan dalaman baru dan sebagainya. Tanpa merasa risau berkaitan bekalan pahala dan dosa yang dikerjakan demi menemui Allah SWT.

## SISIHKAN UNSUR MAKSIAT

Ibadat yang berkualiti adalah ibadat yang dilakukan dengan khushyuk dan tawadhuq. Dikerjakan dengan penuh tumpuan dan tiada gangguan. Berpuasa memerlukan penjagaan pancaindera yang ketat, dengan pengawasan yang rigid barulah puasa seseorang itu akan berkualiti. Oleh yang demikian, beberapa langkah perlu dilakukan untuk mengurangkan gangguan.

Perkara paling utama ialah menyihkan unsur maksiat yang ada di sekeliling kita. Seperti televisyen, radio, pergaulan dan persekitaran perlu diawasi. Anggota penglihatan adalah anggota paling utama untuk dijaga, kerana antara perkara yang membatalkan puasa ialah memandang sesuatu dengan syahwat. Adalah rugi seruginya bagi seorang yang berpuasa tetapi tidak menjaga mata. Oleh itu, kurangkan menonton televisyen, kurangkan bersiar-siar di tempat awam agar dapat meminumkan pandangan terhadap aurat.

Anggota kedua yang perlu dijaga ialah lisan, elakkan dari bercakap banyak dengan orang yang suka mengumpat atau bercakap kosong. Jauhkan diri daripada perbualan sia-sia. Elakkan melepak atau bersembang kecuai yang berkaitan dengan majlis ilmu agama. Nabi SAW Bersabda *"Bila berpuasa, berpuasalah juga pendengaranmu, pandanganmu dan lisammu dari hal dusta dan haram. Jangan sakiti jiranmu. Bertenanglah, jangan jadikan hari berpuasamu menyamai hari terbuka."* Riwayat Ibnu Syaibah.

## IKHLASKAN NIAT

Masih ramai yang tidak memeriksa niat dan tujuan ibadat. Kebanyakan tidak memeriksa kembali nawaitu utama kenapa mereka berpuasa dan berterawih di bulan Ramadhan. Ramai yang berpuasa dan berterawih, namun ibadat itu dikerjakan semata-





mata kerana formaliti. Mungkin juga disebabkan rasa segan atau malu kepada majikan dan rakan sepejabat.

Sebagai contoh lain, masih ada yang berpua-sa kerana mahu menjadi kurus, sanggup duduk lama di masjid berterawih dua puluh rakaat kerana bosan duduk di rumah. Seandainya niat menguruskan badan dan merasa bosan adalah niat utama beribadat. Pasti ibadatnya itu tidak diterima Allah SWT. Syirik khafi dalam ibadat adalah sesuatu yang sangat ditakuti. Oleh itu, perbetulkan niat dalam beribadat kerana mencari pahala, menjauhi neraka dan menggapai keredhaan Allah SWT.

#### TAWARAN RAMADHAN

Dalam hadis lain nabi SAW bersabda "*Se-siapa yang berbuat amalan sunat di bulan Ramadhan pahalanya menyamai yang wajib. Sesiapa berbuat amalan wajib, pahalanya menyamai 70 kali ganda di bulan lain*" Riwayat Ibnu Khuzaimah.

Nabi SAW bersabda "*Di syurga terdapat satu pintu bernama Rayyan, ia menyeru 'Siapakah orang berpuasa?' Lalu yang berpuasa memasukinya. Apabila masuk, dia tidak merasa haus selama-lamanya*" Riwayat Bukhari dan Muslim.

Dua tawaran ini sudah cukup lumayan bagi seorang hamba. Ia adalah peluang untuk mendapatkan pahala dan sekaligus memenangi syurga Allah SWT. Tawaran durian runtuh ini tidak dibuka dalam bulan lain. Namun, tawaran ini hanya mampu digapai oleh orang-orang yang mensucikan hatinya pada permulaan Ramadhan lagi. Jika penyucian hati tidak dibuat, percayalah seseorang itu akan menjadi bertambah malas apabila Ramadhan semakin berakhir.



Sebetulnya, syarat minima untuk mendapat keistimewaan malam Lailatul Qadar itu dengan memastikan tiga perkara ini terjaga. Pertama, solat maghrib berjemaah. Kedua, solat isyak berjemaah. Ketiga, solat subuh berjemaah.

#### SYARAT MINIMA MENDAPATKAN LAILATUL QADAR

Nabi SAW bersabda "*Di dalamnya terdapat satu malam yang menyamai seribu bulan*". Itulah malam Lailatul Qadar. Seandainya seseorang beribadat dan menghidupkan 10 malam akhir Ramadhan, nescaya dia akan diberikan hadiah besar di akhirat. Namun, bagaimana syarat minima untuk mendapatkan keistimewaan malam Lailatul Qadar? Adakah dengan berterawih 20 rakaat? Atau membaca Al-Quran atau bangun tahajjud?

Sebetulnya, syarat minima untuk mendapat keistimewaan malam Lailatul Qadar itu dengan memastikan tiga perkara ini terjaga. Pertama, solat maghrib berjemaah. Kedua, solat isyak berjemaah. Ketiga, solat subuh berjemaah. Andai ketiga solat fardhu ini dijaga dengan baik, pasti seseorang itu akan mendapat keistimewaan malam Lailatul Qadar sekalipun dia tidak berterawih dan membaca Al-Quran. Namun, jika seorang itu hanya membanyakkan amalan sunat sahaja dalam masa yang sama mencuaikan amalan fardhu. Maka sudah terang lagi bersuluh dia sudah terlepas kelebihan malam Lailatul Qadar.

Oleh itu, pastikan kita terbuka dengan santapan sederhana dan berges ke masjid untuk solat maghrib. Jangan pula makan berpinggang-pinggang, akhirnya maghrib terlepas akibat kekenyangan.

#### ISTIQAMAH DAN BANYAKKAN BERDOA DALAM SUJUD

Apabila anda sudah meneruskan langkah dalam ibadat, buatlah sekadar termampu dan sentiasalah cuba untuk konsisten sekalipun amalan itu hanya sedikit. Antara perkara yang tidak patut dilupakan ialah doa sewaktu sujud. Sesiapa yang memperbanyakkan rakaat solat sunat, pasti akan menjadi banyakkah sujudnya. Oleh itu, perbanyakkan doa ketika sujud dan mohonlah kebaikan di dunia dan akhirat.

Sekian, wassalam.







# Taubat Bukan Tahu Buat

oleh Hilmiyatu Dhauliyah pada 3 Mac 2009



**MANUSIA** merupakan makhluk yang sering terlibat dalam melakukan dosa dan maksiat. Ini kerana mereka bukan sahaja dibekalkan dengan akal, malah perasaan, nafsu dan pancaindera yang sentiasa mendorong mereka kearah kejahatan. Walau apapun dosa atau maksiat yang dilakukan oleh seseorang Muslimin/Muslimah, besar atau kecil, sengaja atau tidak, sedar atau sebaliknya, dia perlu memohon keampunan daripada Allah Yang Maha Pengampun terhadap dosa-dosa pancaindera dan hati dengan bertaubat kepada Allah.

Firman Allah swt: *"Wahai Orang-orang yang beriman, bertaubatlah kamu kepada Allah dengan taubat nasuha"* (At-Tahrim:8).

Di dalam ayat ini Allah swt menyeru hamba-hambanya supaya bertaubat di atas dosa-dosa yang telah dibuat dengan sebenar-benar taubat. Ada sesetengah golongan manusia di atas muka bumi ini yang hanya lisannya sahaja melafazkan kalimah taubat sedangkan ia masih lagi bergelumang dengan dosa dan maksiat.

Para Ulama' telah menyebut syarat-syarat yang mesti ada bagi seseorang yang benar-benar ingin bertaubat sepertimana yang telah diambil dari Al-Quran dan hadis, antaranya:

1. Bersegera meninggalkan perbuatan dosa dan maksiat tersebut.
2. Menyesal atas dosa-dosa yang telah dilakukan.
3. Berazam untuk tidak kembali bergelumang dalam dosa dan kemaksiatan.
4. Mengembalikan hak-hak orang yang dizalimi atau memohon kemaafan darinya.

Terdapat juga sebahagian ulama' yang menggariskan syarat-syarat lain bagi mereka yang ingin bertaubat dengan taubat nasuha, antaranya:

1. Meninggalkan dosa-dosa tersebut (taubat nasuha) ikhlas kerana Allah swt dan bukan kerana perkara-perkara lain.
2. Merasa jijik dan benci dengan dosa yang dilakukan dan mengakui akan kemudharatannya.
3. Bersegera melakukan taubat nasuha.
4. Berasa takut dan risau ia akan kembali kepada dosa dan kemaksiatan.
5. Cuba mendapatkan kembali hak-hak Allah swt (cth: zakat, solat, dsb) yang telah ditinggalkan sebelumnya (sekiranya boleh).
6. Mencari sahabat-sahabat yang soleh yang mampu membimbing dan membantu supaya dia sentiasa mengingati Allah dan tidak kembali kepada kemaksiatan.



Dalam bab taubat ini, kita perlu bersegera tidak boleh tangguh-tangguh, jangan sampai di selimut putih baru nak bertaubat pastinya sudah terlambat. Dalam situasi yang lain pula, Rasulullah menyarankan agar kita selesaikan 4 perkara, Sebagaimana Rasulullah berpesan kepada Aisyah ra: "Ya Aisyah jangan engkau tidur sebelum melakukan empat perkara, iaitu:

1. Sebelum khatam Al Qur'an.
2. Sebelum membuat para Nabi memberimu syafaat di hari akhirat.
3. Sebelum para muslim meredhai kamu.
4. Sebelum kau laksanakan haji dan umrah...

Bertanya Aisyah: "Ya Rasulullah.....Bagaimana aku dapat melaksanakan 4 perkara tersebut: Rasul tersenyum dan bersabda:

Jika engkau tidur bacalah: Al-ikhlas tiga kali seakan-akan kau mengkhawatirkan Al Qur'an".

"Membacalah selawat untuk Ku dan para nabi sebelum aku, maka kami semua akan memberi syafaat di hari kiamat".

"Beristighfarlah untuk para muslimin maka mereka akan meredhai kamu".

"Dan perbanyaklah bertasbeeh, bertahmid, bertahlil, bertakbir maka seakan-akan kamu telah melaksanakan ibadah haji dan umrah".



# Kita Adalah Pemimpin

Oleh Hj. Siti Esah bt. Idris pada 5 April 2009



**DENGAN** keadilan Allah SWT setiap insan dikurniakan dengan kelebihan dan keistimewaan yang tersendiri, di samping kelebihan yang diperolehi melalui pengalaman serta kemuliaan yang dimiliki dengan ketinggian ilmu. Ini jelas apabila setiap individu mampu memimpin sekurangnya untuk dirinya sendiri. Pernyataan ini disokong dengan sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud: "Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap diri kamu akan ditanya mengenai kepimpinannya". Menyedari hakikat ini, tidak kira siapa pun kita samada seorang suami, isteri, ibu, anak, buruh ataupun ketua jabatan adalah pemimpin. Oleh yang demikian, sebagai seorang pemimpin kita seharusnya mengelak memandang rendah terhadap keupayaan mereka yang dibawah seliaan. Segala cetusan idea, pandangan, cadangan yang lahir, tidak kira siapa pencetusnya, mestilah ditimbang dengan sewajarnya.

Sifat keterbukaan dalam menjadi satu-

satu pendapat sebenarnya sering bergelut dengan sifat keegoan seorang yang bergelar pemimpin. Jikalau keegoannya memenangi pertarungan itu, maka seawalnya orang bawahan akan dilabelkan sebagai orang yang tidak mempunyai hak bersuara, bahkan kalau mereka bersuara sekalipun, suara mereka tidak patut dilayan. Akan tetapi jika sekiranya keterbukaan pikiran memenangi pertempuran itu maka segala pendapat yang dikemukakan akan dipertimbangkan dengan sebaiknya.

Dalam hal ini sebuah pepatah Arab ada menyarankan: "Pandanglah (nilai) apa yang dikatakan (oleh seseorang), jangan pandang siapa yang berkata". Dalam perbincangan atau dialog yang kita iktirafkan sebagai acara untuk mencambahkan buah pikiran, kenapa pula kita nafkan suara sebahagian besar orang bawahan, hanya kerana ketinggian sifat ego kita sebagai pemimpin. Yakinlah bahawa kerana terlalu tinggi taraf pemikiran seseorang, tidak

mustahil kita akan terlepas pandang atau jahil tentang perkara yang sedang bergelut dengan orang bawahan meskipun mereka mempunyai taraf pemikiran yang rendah, tapi ini sudah memadam baginya untuk menyampaikan hujah berkaitan masalah yang dihadapi mereka.

Dalam hal yang lain, sebagai pemimpin semestinya berupaya menyelami hati dan sanubari mereka yang di bawah pimpinan. Menghormati dan menghargai perasaan orang bawahan adalah satu lagi amanah yang perlu ditunaikan. Sebagai pemimpin tiadalah salahnya merendahkan diri bila berinteraksi dengan orang bawahan kerana kita adalah "role model". Ini akan dapat mendidik jiwa kita supaya "tawaduk" dan ikhlas yang sekaligus dapat menyingkirkan sifat ego yang bersarang di dalam hati kita. Inilah di antara amanah yang harus dipikul oleh mereka yang bergelar pemimpin. ☪

# Usah Lalai Pelihara Hati

Oleh Hj. Noorha Md Zain pada 12 April 2009



**HATI** organ paling utama dalam tubuh manusia dan ia nikmat paling agung diberikan Allah. Hati menjadi tempat Allah membuat penilaian terhadap hambanya. Pada hatilah letaknya niat seseorang. Niat ikhlas itu akan diberi pahala. Hati perlu dijaga dan di pelihara dengan baik agar tidak rosak, sakit, buta, keras dan lebih-lebih lagi tidak mati. Sekiranya berlaku pada hati keadaan seperti ini, kesannya membabitkan seluruh anggota tubuh manusia. Akibatnya akan lahir penyakit masyarakat berpunca daripada hati yang sudah rosak itu.

Hati menjadi amanah yang wajib dijaga sebagaimana kita diamanahkan menjaga mata, telinga, mulut, kaki dan tangan daripada berbuat dosa dan maksiat. Hati yang hitam ialah hati yang menjadi gelap kerana bergelumang dengan dosa. Setiap

dosa yang dilakukan tanpa bertaubat akan menyebabkan satu titik hitam pada hati. Perkara ini jelas digambarkan melalui hadis Rasulullah yang bermaksud "Sesiapa yang melakukan satu dosa, maka akan tumbuh pada hatinya setitik hitam, sekiranya dia bertaubat akan terkikislah titik hitam itu daripada hatinya. Jika dia tidak bertaubat maka titik hitam itu akan terus merebak hingga seluruh hatinya menjadi hitam".

Hadis ini selari dengan firman Allah yang bermaksud: "Sebenarnya ayat-ayat kami tidak ada cacatnya, bahkan mata hati mereka sudah diselaputi kotoran dosa dengan sebab perbuatan kufur dan maksiat yang mereka kerjakan". ( Surah Al-Mutafin, ayat 14).

Hati yang kotor dan hitam akan menjadi keras. Apabila hati keras, kemanisan dan kelazatan beribadat tidak dapat dirasakan. Ia akan menjadi penghalang kepada masuknya nur iman dan ilmu. Perkara paling membimbangkan ialah apabila hati mati, akan berlaku kemusnahan amat besar terhadap manusia. Matinya hati adalah bencana dan malapetaka besar yang bakal menghitamkan ialah apabila hati. Inilah akibatnya apabila kita lalai dan cuai mengubati dan membersihkan hati. Kegagalan kita menghidupkan hati akan dipertanggung jawabkan Allah pada hari akhirat kelak.

Kenapa hati mati. Hati mati disebabkan



perkara berikut:-

Hati mati kerana tidak berfungsi mengikut perintah Allah iaitu tidak mengambil ikhtibar dan pengajaran daripada didikan dan ujian Allah. Allah bertman bermaksud: "Maka kecelakaan besarlah bagi orang yang keras membatu hatinya daripada menerima peringatan yang diberi oleh Allah. Mereka yang demikian keadaannya adalah dalam kesesatan yang nyata". (surah Al-Zumar Ayat. 22 ).

Hati juga mati jika tidak diberikan ma-

kanan dan santapan rohani dengan sewajarnya. Apabila ia tidak diberikan santapan dan tidak diubahi, ia bukan saja akan sakit dan buta, malah akan mati akhirnya. Santapan rohani yang dimaksudkan itu ialah zikrullah dan muhasabah diri. Oleh itu, jaga dan peliharalah hati dengan sebaik-baiknya supaya tidak menjadi kotor, hitam, keras, sakit, buta dan mati. Gilap dan bersihkannya dengan cara banyak mengingati Allah iaitu berzikir dan membaca Al-Quran.

Firman Allah bermaksud: "Iaitu orang

yang beriman dan tenteram hati mereka dengan mengingati Allah. Ketahuilah! Dengan mengingati Allah itu tenang tenteramlah hati manusia." ( Surah Al-Rad Ayat 28 ).

Firman-Nya lagi bermaksud: " Hati yang padanya harta benda dan anak-anak tidak dapat memberikan sebarang pertolongan, kecuali hartabenda dan anak-anak orang yang datang mengadap Allah dengan hati yang selamat sejahtera daripada syuk mu-nafik." ( surah Al- syura Ayat 88 – 89 ).

# Sifat Takbur

Oleh Mat Zah Mat pada 26 April 2009



**JAUHILAH** sifat takbur, sesungguhnya seseorang hamba yang selalu bersifat takbur lambat laun Allah akan memerintahkan malaikatnya, tulislah hambaku ini dalam golongan orang-orang yang zalim (diriwayatkan oleh Ibn Adi Abi Umamah). Sifat takbur, merupakan satu sifat yang amat diceca dan dikecam oleh Islam. Baik dalam hadis mahupun dalam Al Quran terdapat berbagai-bagai keterangan yang menganjurkan setiap muslim agar menjauhi sifat takbur itu.

**Ciri-ciri sifat takbur ialah:**

1. Lupakan hakikat diri sendiri selaku makhluk yang amat lemah.
2. Lupakan kekuasaan Allah.
3. Memandang hina kepada orang lain.
4. Enggan menerima kebenaran.
5. Memandang dirinya sahaja yang pandai, besar, sempurna, benar dan kuat.

Ciri-ciri yang buruk ini terkumpul pada sifat takbur kerana sifat takbur menjadi dinding tebal yang menghalangi seseorang dari semua akhlak yang baik. Kerana orang takbur tidak dapat meletakkan perasaan kasih, simpati dan timbang rasa terhadap orang lain, iaitu tidak mengenal sifat-sifat rendah diri, berbudi bahasa dan bertoleransi. Ia tidak dapat berpisah dari lagak-lagak sombong, hidung tinggi dan ketuanan. Ia tidak dapat mengawal dirinya dari perasaan-perasaan hasad dengki dan iri hati terhadap kelebihan, kebolehan dan kejayaan orang lain. Ia begitu senang terdedah kepada perasaan mudah tersinggung, marah dan dendam kesumat terhadap sesiapa sahaja yang mencabar daulatnya. Ia tidak mengerti berlemah-lembut dan berdiplomasi, segala tindak tanduknya padat dan penuh dengan keinginan menonjol-norjol dan mendabik dada. Ia memandang mudah kepada hukum-hukum Allah dan tidak bersedia menerima kebenaran apabila kebenaran itu bertentangan dengan kepentingan dan keangkuhannya.

Kerana gejala-gejala kelakuannya yang sedemikian buruk itulah orang-orang yang bersifat takbur di kutuk oleh Allah dan di masukannya kedalam kumpulan orang-orang yang zalim yang akan menerima balasan-balasan yang pedih di hari Akhirat. Firman Allah yang bermaksud " Neraka itu seburuk-buruk tempat kembali bagi orang-orang yang takbur".

Menurut sebuah hadis yang lain, orang-orang yang zalim dan takbur itu akan dikumpulkan dipadang mahsyar dalam bentuk debu-debu yang dipijak oleh manusia sebagai balasan yang setimpal dengan keangkuhan mereka di dunia. Orang-orang yang sering menjadi korban sifat takbur ialah:

<b>Raja-raja</b>	<b>kerana takbur dengan kekuasaan.</b>
<b>Orang-orang besar</b>	<b>kerana takbur dengan pangkat dan darjat</b>
<b>Orang-orang cerdik pandai</b>	<b>takbur dengan ilmu pengetahuan yang tinggi.</b>
<b>Orang-orang kaya</b>	<b>takbur dengan harta kekayaan.</b>
<b>Pemimpin-pemimpin dan ketua-ketua</b>	<b>takbur dengan kepimpinan.</b>
<b>Lelaki dan wanita yang cantik</b>	<b>takbur dengan kecantikan badan.</b> ☹️





# Perangkap Syaitan

Oleh Rosli Razak pada 24 Mei 2009



ALLAH berfirman yang bermaksud: "Syaitan memberikan janji yang membangkitkan angan-angan kosong kepada mereka. Walau syaitan itu tidak menjanjikan kepada mereka kecuali tipu daya belaka. Tempat mereka itu ialah di neraka jahanam dan mereka tidak memperoleh tempat untuk lari daripadanya."

(Surah An-Nisa ayat 120 - 121)

Hati, suatu organ istimewa kurniaan Allah kepada manusia, pada saat dan waktu itu juga akan mula goyah apabila sedikit demi sedikit syaitan durjana mula merayap untuk menguasai tunjang di dalam badan manusia tersebut. Beruntunglah golongan manusia yang berupaya menangkis godaan tersebut. Mengikut para ulama, syaitan akan menguasai tubuh badan manusia melalui sepuluh pintu:-

1. Melalui sifat bohong dan angkuh. Ia berpunca dari sifat keegoan manusia itu sendiri yang lazimnya hanya ketika dilimpahi kemewahan dan kesenangan.
2. Melalui sifat bakhil dan kedekut. Ia boleh digunakan untuk membantu kesempitan hidup orang yang memerlukan samada melalui kewajipan berzakat atau bersedekah.
3. Melalui sifat takbur dan bongkak. Sifat ini biasanya berta-

pak dalam diri seseorang yang merasai dia sudah memiliki segalanya dalam hidup ini. Mereka lupa dengan kesenangan dan kenikmatan yang dikurniakan oleh Allah itu boleh ditarik bila-bila masa saja.

4. Sifat khianat.
5. Sifat tidak suka menerima ilmu dan nasihat.
6. Melalui sifat hasad.
7. Melalui sifat suka meremehkan orang lain. Sifat ego manusia ini selalunya akan lahir apabila seseorang individu itu merasakan dirinya sudah sempurna berbanding dengan orang lain. Orang lain dilihat terlalu kecil dan kerdil jika dibandingkan dengan apa yang dia miliki.
8. Melalui sifat ujub atau bangga diri.
9. Melalui sifat suka berangan-angan.
10. Melalui sifat buruk sangka. Seseorang yang suka menuduh orang lain melakukan sesuatu kejahatan tanpa diselidik terlebih dulu amat di cela oleh Islam. Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud: "Nanti akan ada seseorang berkata kepada orang ramai bahawa mereka sudah rosak. Sesungguhnya orang yang berkata itulah sebenarnya yang telah rosak dirinya." ﷺ



## Berbisik-bisik

Oleh Nik Anisah Ariffin pada 17 May 2009



**SATU** sikap yang boleh merenggangkan hubungan, serta menyinggung perasaan orang lain iaitu, berbisik-bisik dengan kawan yang ketika itu adanya orang ketiga di samping mereka. Ini adab Islam melarang berbuat demikian, sebagaimana diterangkan oleh Rasulullah s.a.w, di dalam sebuah hadis yang bermaksud, "Jika kalian bertiga maka janganlah berbicara hanya berdua, tanpa melibatkan yang lain, iaitu orang ke tiga hingga masuk orang ke empat sebab ia boleh menyinggung perasaan". (Hadis Riwayat Muslim).

Apabila tersinggung perasaan orang

maka akan bercambahlah bibit-bibit kebencian hilang rasa hormat timbul pula syak wasangka. Oleh itu seseorang muslim yang bertakwa tidak akan menyinggung perasaan orang lain, dengan ucapan mahupun dengan tindakannya. Minta izin terlebih dahulu sebelum berbisik-bisik dengan orang kedua, sekiranya ada urusan yang rahsia agar ia tidak tersinggung dan tertanya-tanya. Oleh itu, manlah kita sama-sama beringat agar tidak bersikap demikian dengan membentuk diri menjadi insan yang beriman. ﷻ



# Kebesaran Solat Dua Rakaat

Oleh Azmah Yusoff pada 14 Jun 2009



Allah selesai menciptakan Jibril a.s dengan bentuk yang cantik dan Allah menciptakan pula baginya 200 sayap yang panjang, sayap itu antara Timur dan Barat. Selepas itu Jibril a.s memandangi dirinya sendiri dan berkata: "Wahai Tuhanku, adakah engkau menciptakan makhluk yang lebih baik daripada aku?"

Lalu Allah bertitah yang bermaksud: "Tidak".

Kemudian Jibril a.s. berdiri dan bersolat dua rakaat kerana syukur kepada Allah dan setiap rakaat itu tempohnya 20,000 tahun. Selepas Jibril a.s. solat, Allah bertitah yang bermaksud: "Wahai Jibril, kamu sudah menyembah Aku dengan ibadat yang mulia yang paling Aku cintai, namanya Muhammad. Dia mempunyai umat yang lemah dan sentiasa berdosa. Sekiranya mereka itu mengerjakan solat dua rakaat dan mereka dalam keadaan lupa serta serba kekurangan, fikirannya melayang dan dosa mereka pun besar juga.

Maka demi kemuliaan Ku dan ketinggian Ku, sesungguhnya solat mereka itu Aku lebih sukai dari solat mu itu, kerana mereka mengerjakan solat atas perintah Ku, sedangkan kamu mengerjakan solat bukan atas perintah Ku.

Kemudian Jibril a.s. berkata: "Ya Tuhanku, apakah yang engkau hadiahkan kepada mereka sebagai imbalan?"

Lalu Allah bertitah yang bermaksud: "Ya Jibril, akan Aku berikan syurga Ma'wa sebagai tempat tinggal."

Sesungguhnya Allah menyembunyikan enam perkara iaitu:

- Allah menyembunyikan redhaNya dalam taat.
- Allah menyembunyikan murkaNya didalam maksiat.
- Allah menyembunyikan namaNya yang Maha Agung didalam Al-Quran.
- Allah menyembunyikan Lailatul Qadar didalam Ramadhan.
- Allah menyembunyikan solat yang paling utama didalam solat (lima waktu).
- Allah menyembunyikan (tarikh berlaku) hari kiamat didalam semua hari. ☪

## Ujian Ukur Tahap Takwa

Oleh Zakiah Mohamed  
pada 31 Mei 2009



**HIDUP** kita di dunia ini tidak lebih sebagai pengembara yang sedang berteduh di bawah naungan sebatang pokok di tengah padang pasir yang terbentang luas, lepas itu kita akan berlalu meninggalkannya. Rasulullah s.a.w bersabda maksudnya: **"Hidup aku di dunia ini diibaratkan pengembara di atas kenderaan, kemudian berhenti di bawah pokok yang rendah, kemudian berlalu"**.

Kita menikmati kehidupan di dunia ini juga tidak lebih daripada untuk menghadapi ujian Allah, yang dapat mengukur sejauh mana tahap ketakwaan kita terhadap Allah bukannya semata-mata berseorok. Jika tidak diuji dengan pelbagai cubaan yang sebahagian besarnya adalah perkara tidak diingini oleh nafsu manusia, sudah tentu kita tidak dapat membuktikan diri kita sebagai seorang yang bertakwa. Ada orang mengatakan kekayaan itulah matlamat hidup di dunia tetapi ia tidak benar kerana kekayaan tidak dapat melahirkan kesejahteraan, kadangkala harta kekayaan lesap dalam waktu yang singkat. Sekiranya ada orang mengatakan kecantikan adalah matlamat hidupnya itu juga salah kerana kecantikan akan pudar apabila sampai waktunya. Jika pangkat, darjat dan pengaruhnya boleh mencapai matlamat hidupnya ia juga salah kerana ia tidak kekal ada turun naik malah boleh leryap.

Hakikatnya yang kekal abadi dalam hidup kita di dunia ini ialah kerediaan Allah, justeru fahamilah hidup kita di dunia ini ialah sementara saja dan akhirat juga yang kekal selamanya. Justeru dalam mengejar dunia, berpada-pada dan jangan sampai bekal untuk kehidupan di akhirat kecurian. ☪





# Fitnah: Rosakkan Ukhuwah

Oleh Reme Husain pada 21 Jun 2009



**SATU** sikap yang merosakkan persaudaraan dan perpaduan umat Islam ialah 'suka membawa mulut', mereka-reka serta menambah cerita buruk, malah melagakan orang sehingga kisah yang pendek menjadi panjang. Ia juga disebut menabur fitnah atau 'namimah', iaitu menceritakan kebunikan orang di khalayak ramai dengan tujuan menimbulkan kebencian dan permusuhan terhadapnya. Kesan daripada perbuatan itu bukan hanya merugikan seorang dua, malah menyebabkan hilangnya perasaan kasih sayang, hormat dan kepercayaan di kalangan masyarakat sehingga runtuh segala sendi kebahagian hidup bermasyarakat. Sikap seperti itu sangat tercela. Ia satu daripada perbuatan dosa besar yang akan mendapat ancaman seksa amat besar di hari pembalasan kelak.

Antara faktor yang menimbulkan fitnah ialah dorongan perasaan iri hati atau dengki terhadap orang lain, ditambah kekurangan iman dan tiada kefahaman mengenai larangan dan kemurkaan Allah, malah hati dan jiwa seseorang yang ko-

tor, iemah tahap pemikirannya dan sukar menerima kebenaran. "Adapun orang yang berpenyakit dalam hati mereka, maka surah itu menambahkan kekotoran yang sedia ada pada mereka; dan mereka mati, sedang mereka berkeadaan kafir". (at-Taubah:125).

Faktor lain yang mendesak seseorang melakukan fitnah kepada saudaranya ialah kerana ingin mendapatkan kuasa, pengaruh serta kepercayaan orang terhadap diri dan dakwanya, malah ingin menunjukkan dirinya seorang yang lebih baik daripada saudaranya itu. Islam menasihati umatnya agar melindungi rahsia saudaranya, bukan sengaja mencari kelemahan dan membuka aibnya kepada khalayak, kerana dengan tindakan itu boleh menjatuhkan maruahnyanya.

Rasulullah s.a.w menegaskan, menyelidiki rahsia dan memfitnah orang lain, termasuk ciri orang munafik yang mengakui beriman dengan lidahnya, sedangkan hatinya benci. Mereka di hari kiamat akan dibebani dengan dosa besar didepan Allah.

"Dan janganlah kamu mengakui apa yang kamu tidak ketahui; sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati, semuanya akan ditanya apa yang dilakukan". Orang yang menyebarkan fitnah nanti di dalam kubur akan disiksa Allah.

Sebagai Muslim, sepatutnya masing-masing menghayati pengertian terhadap 'Islam' yang dianuti dan dijadikan cara hidup, iaitu kesejahteraan. Agama kesejahteraan bukan hanya menjamin kesejahteraan kepada diri sendiri, malah ia juga memberikan kesejahteraan kepada orang lain, dengan tidak mengata terhadap saudara seagama, tidak menyakiti mereka dan tidak mencabuli hak mereka. Perbuatan menabur fitnah sebenarnya lebih tajam daripada membunuh, kerana kesan kerosakannya lebih teruk. Jika dengan membunuh, walaupun ia tetap salah, tetapi mangsanya mungkin seorang, tetapi dengan fitnah mungkin mengakibatkan ramai orang dan kesannya berentetan sehingga bertahun-tahun.

## Nama Syaitan Dalam Al-Quran

Semoga boleh dimanfaatkan Al-Fatihah adalah satu rukun dalam solat, Apabila cacat bacaannya maka rosaklah solat. Oleh itu perbaikilah bacaannya dengan ilmu tajwid. Bukan setakat bacaannya saja rosak malah kita menyebut nama syaitan di dalam solat kita.

Berikut diperturunkan nama syaitan laknat yang wujud di dalam Al-Fatihah, sekiranya kita tidak berhati-hati.

Nama syaitan:

1. **DU LI LAH** (bila dibaca tiada sabdu) sepatutnya DULILLAH
2. **HIR ROB** (bila dibaca dengan sabdu) sepatutnya HI ROB
3. **KIYYAU** (bila dibaca dengan sabdu) sepatutnya KI YAU
4. **KANNAK** (bila dibaca dengan sabdu) sepatutnya KA NAK

Oleh Norieha Abdullah pada 25 Julai 2009



5. **KANNAS** (bila dibaca dengan sabdu) sepatutnya KA NAS
6. **IYA** (disebut tanpa sabdu) sepatutnya IYYA. Iya bermaksud 'matahari'. Dalam ayat ke 5, jika salah bacaannya akan bermaksud "Kepada mataharilah yang kami sembah dan kepada matahari kami meminta pertolongan".
7. **SIROTHOLLAZI**.....sehingga habis hendaklah dibaca tanpa henti.
8. **AMIN**....hendaklah mengaminkan Al-fatihah dengan betul, iaitu AA...dua harakat, MIN....3 harakat, semoga Amin kita bersamaan dengan Amin malaikat, Insyallah semoga kita menjadi orang yang sentiasa memperbaiki bacaannya.



# Bertaubat Daripada Dosa Jangan Tunggu Usia Tua Atau Esok Hari

Oleh Mohd Noor Mat Yaman pada 28 Jun 2009



**MANUSIA** dicipta untuk mengabdikan diri kepada Allah dan Islam sebagai cara hidup. Pengabdian kepada Allah meletakkan manusia sebagai hambaNya yang perlu sentiasa patuh kepada suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Nikmat iman adalah anugerah paling besar kepada manusia. Sesiapa yang menolak cahaya keimanan, dia tidak dapat kebaikan hidup didunia. Firman Allah bermaksud *"Maka sesiapa yang memilih cara hidup selain Islam, Allah tidak sekali-kali menerima (agamanya) itu dan di akhirat dia termasuk kedalam golongan orang yang rugi"*. (Surah Aal-imran, ayat 85).

Sesiapa yang menerima nikmat keimanan, peganglah sehingga keakhir hayat. Jangan menukar keimanan dengan kufur pada Allah. Firman Allah bermaksud. *"Wahai orang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa dan jangan kamu mati melainkan sebagai seorang islam."* (Surah Aal-imran, ayat 102).


Namun sifat manusia tidak seperti malaikat yang tidak pernah melakukan selain perkara yang disuruh Allah. Dalam diri manusia ada akal dan nafsu yang mendorong melakukan kebaikan serta kebunukan. Sebab itu, Allah menjanjikan balasan pahala dan dosa bagi setiap perbuatan yang manusia lakukan. Allah mengetahui setiap perkara dilakukan hamba-Nya secara nyata atau bersembunyi. Tahap keimanan manusia diumpamakan sebagai ombak yang ada tinggi dan ada rendahnya. Keimanan berada pada tahap tertinggi apabila banyak melakukan kebaikan dan menjauhkan kemungkaran dan begitulah sebaliknya.

Setiap kebaikan digandakan nilai pembalasan antara 10 hingga 700 kali. Sedangkan sesiapa melakukan kejahatan hanya dibalas dengan satu pembalasan atau diampunkan. Sekali pun Allah tidak berhasrat pertolongan daripada makhluk ciptaan Nya. Dia memberi pembalasan sebaik-baiknya terhadap hamba yang taat. Limpah rahmat yang diberikan tidak terkira banyaknya.

Memandangkan manusia tidak terlepas daripada melakukan dosa, sedangkan Allah sudah menjanjikan kebaikan pada hari akhirat, maka diberi peluang untuk menghapuskan dosa itu dan jalan yang disebut adalah taubat. *"Katakanlah (Wahai Muhammad): Wahai hamba-Ku yang melampau batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah kerana sesungguhnya Dia juga yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani"*. (Surah az zumar, ayat 53)

Allah menyebut mengenai sifat-Nya Maha pengampun, bermaksud tidak ada satu pun dosa yang tidak diampunkan jika manusia memohon keampunan daripada-Nya. Firman Allah bermaksud. *"Dan bertaubatalah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang yang beriman, nescaya kamu beruntung"*. (Surah an-nur, ayat 31).

Taubat boleh dilakukan sepanjang masa, paling baik selepas



menyedari melakukan dosa. Jika kesalahan itu membabitkan sesama kita, sesama manusia, keampunan perlu dimohon kepada orang yang terbabat. Ketika meminta maaf perlu dilakukan dengan ikhlas kerana Allah atas kesedaran perbuatan itu adalah satu dosa dan menyesal atas perbuatan yang dilakukan, diharapkan perbuatan buruk itu tidak diulang lagi selepas ini. Sebaliknya berusaha melakukan kebaikan untuk semua.

Taubat sebenar ialah menyedari kesalahan atau dosa diikuti peryesalan dan memohon keampunan Allah. Seterusnya, menanam sifat benci kepada perbuatan itu dan terus meninggalkannya. Hasil taubat membawa diri melakukan perbuatan baik, taubat dipertahankan dengan sentiasa sedar dan waspada menjauhkan diri daripada kejahatan. Biar pun pintu taubat sentiasa terbuka, ia tertutup apabila ajal tiba, jangan berleengah leengah untuk bertaubat dan ia perlu dilakukan sepanjang masa, bukan hanya apabila usia lanjut.

Syaitan sentiasa membisikkan manusia supaya melakukan dosa, menanggukkan taubat sehingga sampai ke akhir hayat. Syaitan sedar, sebesar mana dosa dilakukan anak Adam dan kemudian bertaubat, Allah tetap menerima taubat itu.

Bagi memastikan misi syaitan meletakkan manusia dalam neraka ialah dengan cara mengelak daripada bertaubat. Kerja jahat syaitan untuk menempatkan manusia bersamanya di neraka menjadi sia-sia jika manusia bertaubat. Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud: *"Sesungguhnya Allah tetap menerima taubat hamba-Nya, selagi roh belum sampai di kerongkong ( hampir sangat dengan ajal )" ( hadis riwayat Tirmizi )*.

Sebagai muslim yang yakin bertemu Allah di akhirat kelak, berusaha meningkatkan takwa dan menghindarkan dosa supaya dihimpunkan bersama orang beriman di akhirat. Sesungguhnya hidup ini tidak hanya berakhir di dunia kerana akhirat kehidupan kekal abadi.





# Taubat Dan Doa

Oleh Sofia Alzan Che Soh pada 5 Julai 2009



**KEDUDUKAN** manusia berbeza dengan malaikat yang penuh dengan kesucian dan kemuliaan dengan tabiatnya yang selalu patuh dan taat kepada Tuhan. Tetapi hakikat manusia juga berlainan dengan iblis yang statusnya derhaka selama-lamanya. Manusia berada di antara kedua-duanya yang kadangkala dapat mencapai kemuliaan dan kesucian dan kadangkala pula terjermu ke dalam lembah kehinaan dan kedherakaan apabila berikwan dengan iblis.

Manusia dianugerahi keistimewaan dan kelemahan tertentu berbanding dengan makhluk-makhluk yang lain. Salah satu daripada kelemahannya ialah apabila dirayu oleh iblis dengan pujukan yang manis kadang-kadang dapat tergoda. Sebagai manusia pertama yang digoda oleh syaitan ialah Nabi Adam a.s berserta isterinya makan buah yang dilarang oleh Allah. Maka syaitan dapat memperdayakan kedua-duanya (Adam dan isterinya). Ketika keduanya merasakan buah pohon itu, terbukalah aurat mereka; dan mulalah mereka menutup aurat mereka dengan daun dari syurga. Tuhan memanggil kedua-duanya: "Bukankah Aku melarang kamu berdua (makan buah) daripada pohon itu, dan bukannya sudah Aku katakan, bahawa syaitan itu musuhmu yang nyata?" (Surah al-A'raf: 22)

Dalam sejarah kehidupan Nabi Adam a.s jelas menunjukkan manusia sering terjermu mengerjakan maksiat jika tidak berhati-hati. Jika Adam pernah melakukan kelalaian dan kesilapan, maka anak cucunya juga tidak terlepas dari keadaan tersebut sebagaimana disabdakan oleh Rasulullah s.a.w: "Tiap-tiap Bani Adam itu membuat kesalahan, tetapi sebaik-baiknya orang yang banyak berbuat kesalahan ialah orang yang banyak bertaubat". (Riwayat Tirmidzi dan Ibnu Majah)

Tiga faktor utama yang menyebabkan seseorang itu melakukan kesalahan atau dosa. Pertama, watak yang lemah (daif) untuk melawan godaan syaitan, kecuali mereka yang ikhlas dengan agama. Kedua, kecenderungan (naluri) manusia merasakan kesenangan sehingga kadang-kadang keinginan dan hawa nafsu mengalahkan pertimbangan akal. Ketiga, manusia selalu terkepuj oleh keadaan yang dapat membawanya kepada pelanggaran undang-undang ilahi, dalam keadaan mana syaitan memainkan peranan aktif menunggu peluang yang tepat untuk merjemuskan Bani Adam. Segolongan manusia mampu bertahan dengan kekuatan iman yang membentangi peribadinya dan segolongan pula terjermu mengerjakan larangan Allah. ❁

# Pahala Yang Berterusan

Oleh Norliza Ab.Razak pada 12 Julai 2009



**DARIPADA** Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawasanya Rasulullah SAW bersabda: "Apabila seseorang manusia itu meninggal dunia maka terputuslah amalnya melainkan daripada tiga sumber sahaja, iaitu sedekah jariah, ilmu pengetahuan yang dapat diambil kemanfaatan daripadanya dan anak yang soleh yang akan mendoakan untuknya". Dari Hadis Riwayat Muslim.

Apabila seseorang telah meninggal dunia terputuslah baginya peluang untuk menambah pahalanya. Sebanyak mana amalan yang telah dilakukannya semasa ia hidup dahulu, maka sebanyak itu sahaja pahala yang akan diterimanya. Dia tidak akan dapat menambah lagi pahalanya melainkan daripada tiga sumber yang telah diterangkan dalam hadis di atas.

Pertama sedekah jariah, iaitu segala waqaf yang pernah di-jariahkan semasa hidupnya dahulu, seperti mewaqafkan tanah untuk kebajikan, membina masjid, surau, sekolah, jalan, jambatan dan sebagainya. Selama harta berda ini digunakan orang selama itulah ia mendapatkan pahala yang berterusan yang mengalir masuk ke dalam suratan amal kebbaikannya.

Kedua ilmu yang bermanfa'at, iaitu segala ilmu yang dapat membenarkan kemanfa'atan kepada orang lain, dan dapat menambahkan ketaqwaan mereka kepada Allah swt. Maka selama ilmu itu masih lagi dikembangkan dan dipelajari turun temurun, selama itulah orang yang mengajarkannya pada peringkat permulaan itu akan mendapat pahala yang berterusan yang akan dimasukkan ke dalam catatan amal kebbaikannya. Begitu pula halnya seseorang yang mengarang kitab yang bermanfa'at, ia akan mendapatkan pahala yang berterusan selama mana kitab tersebut dibaca dan dipelajari oleh orang lain.

Ketiga, anak yang soleh yang mendoakan kepada kedua ibu bapanya. Melahirkan anak yang soleh yang bertaqwa dan berwibawa adalah impian bagi setiap ibubapa, namun di mana datangnya buah kelapa kalau ia ditanam itu adalah benih pinang. Insan soleh tidak dapat dilahirkan dengan didikan yang "tolih" (buruk) yang jauh dari nilai-nilai agama atau diasuh oleh suatu lingkungan yang tidak sihat. Insan soleh adalah buah dari didikan yang berterusan dan pembinaan yang tersusun rapi. Ia merupakan hasil daripada kegigihan ibubapa, guru dan lingkungan yang sihat dan suasana yang membina yang dapat menghantarkan anak tersebut ke pintu gerbang ketaatan. ❁



# 40 Nasihat Saiyidina Ali A.S



Oleh Wan Zuzalbah Wan Isa pada 19 Julai 2009

1. Pendapat seorang tua adalah lebih baik daripada tenaga seorang muda
2. Menyokong kesalahan adalah umpama menindas kebenaran
3. Jagalah ibubapa kamu, nescaya anak-anak kamu akan menjaga kamu
4. Bakhil terhadap apa yang di tangan adalah umpama tidak mempunyai kepercayaan kepada Allah S.W.T
5. Sifat menahan kemarahan adalah lebih mulia daripada membalas dendam
6. Ilmu adalah lebih baik daripada kekayaan kerana kekayaan harus dijajagi sedangkan ilmu menjaga kamu
7. Insan itu terbahagi 3:
  - i. Mereka yang mengenal Allah
  - ii. Mereka yang mencari kebenaran
  - iii. Mereka yang tidak berpengetahuan (Golongan ini adalah yang paling rendah sekali dan akan hanya mengikut ketua membuta tuli)
8. Janganlah kamu takut kepada sesiapa melainkan dosamu terhadap Allah S.W.T
9. Harga diri seseorang itu adalah berdasarkan apa yang ia lakukan untuk memperbaiki dirinya
10. Allah merahmati mereka yang kenal akan dirinya dan tidak melampaui batas
11. Sifat seseorang tersembunyi di sebalik lidahnya
12. Mereka yang mendengar orang yang mengumpat terdiri daripada golongan mereka yang mengumpat
13. Sangkaan seseorang yang berakal adalah suatu ramalan
14. Taat kepada perempuan (selain ibunya) adalah kejahatan yang paling besar
15. Jika berharta, berniagaalah dengan Allah dengan bersedekah
16. Janganlah kamu lihat siapa yang berkata tetapi lihat apa yang dikatakannya
17. Jika kamu menguasai musuhmu, maafkanlah mereka, kerana perbuatan itu adalah syukur kepada kejayaan yang telah kamu peroleh
18. Kejahatan itu mengumpul kecelaan yang memalukan
19. Mengajar itu adalah belajar ( dalam kita memberi pengetahuan itu kepada orang lain, dalam masa yang sama kita juga mendapat ilmu itu juga. Menggandakan ilmu itu adalah perkara yang terbaik untuk manusia)
20. Jagalah harta bendamu dengan mengeluarkan zakat dan angkatlah kesusahamu dengan mendirikan sembahyang
21. Ilmu yang paling rendah mutunya ialah ilmu yang berpegar di hujung ilmu dan ilmu yang paling tinggi ialah yang melahirkan kesan kepada tingkahlaku dan anggotanya

## PETIKAN KATA-KATA

1. **Iman Al - Ghazali ada berkata:** Kemarahan manusia itu berbagai-bagai. Ada yang lekas marah, lekas tenang dan lekas hilang. Sesetengahnya lambat marahnya dan lambat pula akan redanya. Sesetengahnya lambat akan marahnya tetapi lekas habisnya. Yang ketiga adalah yang terpuji.
2. **Ilmu Hamka ada berkata:** Jangan putus asa jika otak tumpul dan akal kurang cerdas. Kadang-kadang seseorang yang tumpul otaknya tetapi tidak putus asa lebih maju daripada seseorang yang cerdas tetapi pemalas. ☺

# Lebihan Surah Al-Kautsar



Oleh Siti Khadijah Omar pada 19 April 2009

**SURAH** ini paling pendek, hanya mengandungi 3 ayat dan diturunkan di Makkah yang bermaksud sungai di syurga. Kolam sungai ini diperbuat daripada batu permata nan indah dan cantik. Rasanya lebih manis daripada madu, warnanya pula lebih putih daripada susu dan lebih wangi daripada kasturi.

Surah ini disifatkan sebagai surah penghibur hati Nabi Muhammad s.a.w kerana diturunkan ketika baginda bersedih atas kematian 2 orang yang dikasihi iaitu anak lelakinya Ibrahim dan bapa saudaranya Abu Talib. Pelbagai khasiat terkandung di dalam surah ini dan boleh kita amalkan, iaitu:

1. Baca surah ini ketika hujan dan berdoa mudah-mudahan Allah s.w.t. makbulkan doa kita.
2. Jika kita kehausan dan tiada air, bacalah surah ini dan gosok di leher, insyaAllah hilang dahaga.
3. Jika sering sakit mata seperti berair, gatal, bengkak, sapukan air mawar yang sudah dibacakan surah ini sebanyak 10 kali pada mata.
4. Jika rumah dipercayai terkena sihir, baca surah ini 10 kali, mudah-mudahan Allah s.w.t. bagi iham pada kita dimana letaknya sihir itu.
5. Jika membacanya 1000 kali rezeki kita akan bertambah.
6. Jika rajin membacanya, hati kita akan menjadi lembut dan khusyuk ketika menunaikan solat.
7. Jika orang teraniaya dan terperjaya membacanya sebanyak 71 kali, Allah s.w.t. akan memberikan bantuan kepadanya kerana dia tidak bersalah tetapi dizalimi. ☺



